No Perolehan: T 0941
Tarikh: 18 MAR 1986

# KERJA SAMPINGAN DI KALANGAN PEKEBUN-PEKEBUN KECIL KELAPA

(KAJIAN KES DI KAMPUNG SUNGEI BELUKANG DAN KAMPUNG TEBUK IMAM, SELEKOH, PERAK)

oleh

HASLINA BT ABD RAHIM
043029

LATIHAN ILMIAH
DISEDIAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT
PENERIMAAN IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 85/86

University of Malaya

## PENGHARGAAN

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya jua dapat saya melaksanakan kajian serta penulisan ini.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Rokiah Talib selaku penyelia latihan ini atas nasihat dan bimbingan beliau di sepanjang perlaksanaan sehingga terbukunya kajian ini.

Rakaman terima kasih juga kepada Pak Cik Ismail bin Idris dan keluarga yang telah sudi menumpangkan saya di rumah beliau sewaktu kajian dijalankan. Begitu juga kepada penduduk kampung kajian ini diucapkan terima kasih.

Seterusnya ucapan terima kasih juga ingin ditujukan kepada pegawai-pegawai yang telah meluangkan masa memberikan penerangan serta matlumat yang diperlukan bagi menjayakan kajian ini. Khususnya kepada Ketua Penolong Pegawai Daerah Hilir Perak, Pembantu Teknik Pertanian Simpang Tiga, Jurutera Parit dan Taliair serta Penghulu Rungkup.

Akhir sekali buat keluarga tersayang yang telah memberi sokongan moral, juga kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam melahirkan kajian ini. Semoga Allah membalas jasa baik semuanya. Amin.

Haslina Bt Abd Rahim
Januari, 1986

University of Malaya

# SINOPSIS

Kajian ini telah dijalankan di dua buah kampung kecil iaitu di Kampung Sungei Belukang dan Kampung Tebuk Imam di daerah Hilir Perak. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kegiatan kerja sampingan di kalangan pekebun kecil kelapa.

Tumpuan diberikan kepada kesan-kesan kerja sampingan dalam mengatasi masalah gunatenaga tidak penuh dan kesannya terhadap ekonomi dan sosial penduduk. Oleh itu kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian.

Bab pertama menyentuh tujuan dan objektif kajian, kaedah kajian, kepentingan kajian dan masalah dihadapi sewaktu kajian dibuat.

Bab kedua,pengkaji memperlihatkan keadaan latarbelakang tempat kajian. Tumpuan diberikan terhadap struktur sosioekonomi kampung. Bahagian kedua bab ini adalah mengenai latarbelakang responden yang dikaji. Ini adalah berhubung dengan latarbelakang sosioekonomi mereka seperti umur, pelajaran responden, keluarga dan keadaan ekonomi mereka.

Bab ketiga, pengkaji cuba menjelaskan sebahagian daripada penemuan kajian luar yang telah dilakukan seperti jenis kerja-kerja sampingan dan klasifikasi kerja sampingan. Bahagian kedua pula adalah berhubung dengan sebab-sebab mereka melakukan kerja-kerja ini.

# SENARAI JADUAL



| No. Jadual | Tajuk | Mukasurat |
|---|---|---|
| Jadual 1 | Matlumat Asas Penduduk | 15 |
| Jadual 2 | Aktiviti Ekonomi Penduduk | 17 |
| Jadual 3 | Kedudukan Umur Responden Dan Isteri | 20 |
| Jadual 4 | Tahap Pelajaran Responden Dan Isteri | 22 |
| Jadual 5 | Bilangan Anak Responden | 24 |
| Jadual 6 | Saiz Keluarga Bawah Tanggungan Responden | 25 |
| Jadual 7 | Orang-orang Yang Ditanggung Oleh Responden | 26 |
| Jadual 8 | Struktur Umur Anak-anak Responden | 27 |
| Jadual 9 | Tahap Pelajaran Anak Responden Mengikut Umur | 28 |
| Jadual 10 | Pola Pekerjaan Responden | 31 |
| Jadual 11 | Pekerjaan Isteri Responden | 32 |
| Jadual 12 | Klasifikasi Kerja-kerja Sampingan 156 Orang | 36 |
| Jadual 13 | Jenis Kerja-kerja Sampingan | 39 |
| Jadual 14 | Kerja-kerja Dilakukan Oleh Anak Responden | 41 |
| Jadual 15 | Hasil Pendapatan Responden Dari Kelapa | 44 |
| Jadual 16 | Jumlah Pemilikan Tanah Di Kalangan Responden | 45 |
| Jadual 17 | Peratus Kadar Upah | 49 |
| Jadual 18 | Anggaran Perbelanjaan Responden Sekeluarga Sebulan | 53 |
| Jadual 19 | Pengelolaan Kerja-kerja Di Kebun | 56 |



University of Malaya

KANDUNGAN


| | | Muka surat |
|---|---|---|
| PENGHARGAAN | ... ... ... ... ... | iii |
| SINOPSIS | ... ... ... ... ... | iv |
| SENARAI JADUAL | ... ... ... ... ... | vi |
| DATA KANDUNGAN | ... ... ... ... ... | viii |
| PETA | | |
| Bab 1: | Pengenalan | |
| | 1.1 Tujuan Kajian ... ... ... | 2 |
| | 1.2 Bidang Kajian ... ... ... | 3 |
| | 1.3 Kepentingan Kajian ... ... | 4 |
| | 1.4 Kaedah Kajian ... ... ... | 5 |
| | a. Listing ... ... ... | 6 |
| | b. Persampelan ... ... ... | 6 |
| | c. Mengumpul Data ... ... | 7 |
| | i. Menggunakan Borang Soal Selidek | 7 |
| | ii. Pemerhatian dan Temuduga ... | 8 |
| | iii. Data Sekunder ... ... | 9 |
| | 1.5 Masalah Kajian ... ... ... | 9 |
| | a. Borang Soal Selidek ... ... | 9 |
| | b. Penerimaan Responden ... ... | 10 |
| | c. Masalah Masa ... ... ... | 10 |
| Bab 2: | 2A Latarbelakang Kampung Secara Umum | |
| | 2.1 Sejarah Kampung ... ... ... | 12 |
| | 2.2 Kedudukan Geografi ... ... | 13 |
| | 2.3 Latarbelakang Kependudukan ... | 15 |
| | 2.4 Kemudahan Awam ... ... ... | 16 |
| | 2.5 Aktiviti Ekonomi ... ... | 17 |
| | 2.6 Aktiviti Sosial ... ... ... | 18 |
| | 2B Latarbelakang Responden | |
| | 2.7 Umur ... ... ... ... | 19 |
| | 2.8 Taraf Pendidikan ... ... ... | 21 |
| | 2.9 Kedudukan Struktur Keluarga ... | 22 |
| | 2.10 Bilangan Anak Responden Dan Tanggungan | 23 |

Mukasurat


2.11 Struktur Umur Anak-anak Responden ... 26
2.12 Taraf Pelajaran Anak-anak Responden ... 29
2.13 Pekerjaan Responden ... ... 30

Bab 3: Kerja-kerja Sampingan

3A

3.1 Kerja-kerja Sampingan ... ... 34
3.2 Klasifikasi Kerja-kerja Sampingan ... 36
3.3 Jenis-jenis Kerja Sampingan ... 37
    1. Mengambil Upah ... ... 38
    2. Usaha Persendirian ... ... 38
    3. Makan Gaji ... ... ... 39
3.4 Penglibatan Keluarga ... ... 41

3B Sebab-sebab Kerja Sampingan Dilakukan 42

3.5 Kedudukan Pendapatan Yang Tidak Mencukupi 43
3.6 Faktor Kos Pengeluaran ... ... 46
3.7 Beban Tanggungan Dan Perbelanjaan ... 50
3.8 Beban Hutang ... ... ... 52
    a. Hutang Kepada FAMA ... ... 54
    b. Hutang Kepada Peraih ... ... 55
3.9 Rangka Kerja ... ... ... 56
3.10 Kemudahan Dan Permintaan ... ... 59

Bab 4: Kesan Daripada Kerja-kerja Sampingan

4.1 Kesan kerja-kerja Sampingan Ke Atas Kerja-kerja Di Kebun 62
    a. Kesan Ke Atas Penjagaan Dan Pengeluaran Kelapa ... 62
    b. Kesan Ke Atas Tanaman Koko ... 67
4.2 Kesan Kerja Sampingan Terhadap Masa Bekerja 70
4.3 Kesan Ke Atas Hasil Pengeluaran ... 72
4.4 Kesan Kerja Sampingan Terhadap Pendapatan ... 74
    a. Pendapatan Dari Kelapa ... 74
    b. Pendapatan Dari Kerja Sampingan 75
4.5 Kesan Kerja Sampingan Terhadap Simpanan Dan Tabungan 78
4.6 Kesan Kerja Sampingan Ke Atas Hak Milik Harta 80
4.7 Kesan Ke Atas Penglibatan Responden Dengan Aktiviti Sosial 82
4.8 Kesan Kerja Sampingan Ke Atas Hubungan Dengan Jiran 83

Bab 5: Kesimpulan 85


University of Malaya

**Peta menunjukkan kawasan kajian dinegeri Perak**



Peta Lakar - SELEKOH




University of Malaya

# BAB 1

# PENGENALAN

Sektor pekebun kecil merupakan salah satu daripada sektor pertanian yang penting walaupun ianya adalah tidak tersusun. Sektor ini telah mengalami beberapa masalah struktur seperti; saiz-saiz tanah tidak ekonomik, tanaman tidak menguntungkan, kaedah pengeluaran tradisional dan lain-lain. Ini telah mengakibatkan kurangnya daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah. Keadaan ini telah menyebabkan kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan pekebun kecil.

Pembentukan Dasar Pertanian Negara (DPN) telah menyediakan nafas dan pendekatan baru pada pertumbuhan ekonomi negara. Salah satu daripadanya adalah bidang pertanian kelapa yang sedang mengalami kemerosotan. Apa yang dilakukan adalah usaha-usaha pengembangan pertanian[1] sebagai satu usaha pembangunan masyarakat luar bandar. Ini selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang berhasrat mempertingkatkan taraf hidup menerusi strategi Serampang Dua Mata[2].

---

[1] Pengembangan Pertanian
Adalah satu proses yang bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan petani tentang alternatif-alternatif peluang dan pilihan-pilihan yang terbuka kepada mereka dalam usaha memperbaiki keadaan hidup mereka yang mana ada hubungan dengan penerimaan dan penggunaan pengetahuan serta amalan baru yang disyorkan kepada mereka oleh agensi-agensi pengembangan. Lihat: Dr. Nayan Ariffin, Majallah Pengembangan, Universiti Pertanian Malaysia, Jilid 3, Bil. 1 Mac 1978, hal 3.

[2] Sila rujuk Dasar Ekonomi Baru, dalam RM2, RM3, RM4 dan Shamsul Amri Baharudin. Rancangan Malaysia Kedua: Tujuan dan Perlaksanaannya Satu Penilaian, 1975. Thesis B.A.(Hons), Universiti Malaya.

Dengan ini kajian ini akan membuat tumpuan kepada masalah pekebun kecil serta melihat kesan-kesan ekonomi dan sosial dari penglibatan mereka dengan kerja sampingan. Di samping itu pengkaji turut melihat bagaimana kesannya ke atas usaha pembangunan pertanian khususnya pelbagaian tanaman.

Seterusnya rumusan dibuat sejauhmana strategi diambil oleh pekebun dengan kerja sampingan dan usaha pembangunan pertanian ini dapat mempertingkatkan mutu kehidupan pekebun kecil.

## 1.2 Bidang Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah terbatas kepada 2 buah kampung kecil. Kampung ini mempunyai jumlah keluarga yang kecil misalnya Kampung Sungei Belukang hanya mempunyai 99 buah keluarga manakala Kampung Tebuk Imam hanya mempunyai 69 buah keluarga.

Namun kajian ini hanya berdasarkan kepada 50 orang responden sahaja. Kedua-dua buah kampung ini adalah 2 daripada 11 buah kampung kecil di dalam sebuah Blok di Mukim Rungkup. Walau bagaimanapun kajian ini diharapkan dapat mewakili keadaan-keadaan yang bukan sahaja wujud di kawasan kajian tetapi di kawasan-kawasan lain meskipun kawasan kajian dikaji kecil.

Pekebun kecil merupakan salah satu golongan keluarga miskin di negara ini. Di mana 90% pekebun kecil iaitu 100,000 bilangan keluarga terlibat (Kementerian Pertanian, 1981). Oleh itu untuk mengatasi masalah tekanan hidup ini berbagai tindakan telah diambil samada oleh pihak kerajaan ataupun pekebun sendiri. Dalam konteks kawasan kajian pekebun kecil telah melibatkan diri dengan kerja-kerja

sampingan sebagai usaha mendapat tambahan kepada pendapatan mereka. Berbagai-bagai dasar pembangunan negara turut dibuat bagi mengatasi masalah ini.

Dengan itu kajian ini akan menekankan kepada aspek-aspek berhubung dengan kerja sampingan yang dilakukan oleh pekebun kecil di kawasan kajian. Pengkaji akan memperlihatkan jenis-jenis kerja sampingan yang dilakukan dan sebab-sebab mendorong mereka untuk bergiat dalam lapangan ini. Pemasalahan ini akan ditinjau dari sudut tekanan hidup seperti pendapatan, tanggungan, hasil pengeluaran, masa dan lain-lain.

Fokus kajian ini juga berligar di sekitar kesan daripada kerja-kerja ini. Aspek disentuh adalah dari sudut ekonomi dan kesan sosial. Misalnya kesan ke atas kegiatan kerja-kerja di ladang, masa bekerja, pendapatan, hakmilik harta dan lain-lain. Di samping itu juga pengkaji cuba melihat kedudukan usaha-usaha pelbagaian tanaman di samping kerja-kerja sampingan yang dijalankan.

Selanjutnya rumusan akan dibuat berdasarkan ketiga-tiga keadaan kerja yang mereka lakukan setakat ini dapat memberi nafas baru dan peningkatan kepada kehidupan pekebun kecil itu.

## 1.3 Kepentingan Kajian

Masalah gunatenaga tidak penuh sering dikaitkan dengan ciri-ciri ekonomi luar bandar. Dalam pada itu berbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan dan beberapa inisiatif pekebun sendiri bagi mengatasi masalah ini di samping berusaha mempertingkatkan hasil pengeluaran. Seterusnya ia diharap dapat menambah pendapatan.

Oleh itu kajian ini mempunyai kepentingan untuk memperjelaskan masalah dan keadaan sebenar yang wujud dalam usaha-usaha pekebun mengaplikasikan kerja-kerja sampingan dan usaha kerajaan mengesyorkan pelbagaian tanaman agar pendapatan dapat dimaksimakan menerusi peningkatan daya pengeluaran.

Seterusnya kajian ini penting sebagai memberi gambaran berkenaan dengan kemiskinan yang masih wujud akibat dari masalah yang dihadapi meskipun usaha-usaha kerja sampingan dilakukan sebagai usaha mengatasinya.

1.4 Kaedah Kajian

Untuk mengendalikan kajian ini pengkaji telah tinggal bersama sebuah keluarga di Kampung Sungei Belukang. Peringkat permulaan pengkaji telah menjalankan beberapa temubual sebagai pengenalan yang dilakukan secara tidak formal dengan penduduk setempat. Ini untuk mendapat gambaran kasar mengenai penduduk dan persekitarannya.

Kajian dilakukan seterusnya telah dijalankan dengan penggunaan beberapa teknik kajian. Antaranya adalah:-

a. Listing/Penyenaraian

b. Persampelan

c. Pengumpulan Data

University of Malaya

a. Listing

Tujuannya adalah untuk mendapatkan senarai penduduk kampung. Di sini penulis juga mendapati jumlah rumah, saiz keluarga serta struktur keluarga tersebut.

Borang listing ini dilengkapi dengan ruang alamat, nama, umur dan pekerjaan responden. Penyediaan penyenaraian ini akan memudahkan penulis bagi mendapat jumlah penduduk, umur serta mendapatkan sampling dari senarai berkenaan. Ini akan memudahkan pengkaji untuk ke rumah-rumah responden terpilih.

b. Sampling/Persampelan

Jumlah sampel yang diambil adalah seramai 50 orang daripada keseluruhan lebih kurang 156 orang ketua rumah. Ini ada dari kedua-dua buah kampung kajian. Pengkaji telah mendapatkan sampel ini secara rawak mudah dari senarai tadi. Semasa membuat listing aturan rumah tidak diikuti. Ini kerana penghuni tidak di rumah - terpaksalah pengkaji pergi ke rumah-rumah berhampiran.

Pungutan secara random ini dilakukan seperti berikut. Daripada 156 sampel yang telah dipungut pengkaji hanya memilih 50 orang sampel. Kelima puluh orang responden ini didapati dari selangan 3 orang. Ini didapati dengan mengambil responden dari nombor 3, 6, 9, 12, 15, ......... 150.

University of Malaya

Jika ada responden yang kurang berminat atau enggan bekerjasama pengkaji telah mengambil sampel seterusnya 153, 156. Seandainya terdapat lebih dari itu maka pengkaji akan berbalik semula ke sampel-sampel yang lebih awal kini beralih kepada nombor 4, 7, 10, ....... seterusnya. Oleh itu sampel yang terpilih diandaikan mempunyai keseragaman dari segi klas maka 50 orang responden tadi dianggap dapat mewakili 156 orang penduduk di situ.

c. Mengumpul Data

Peringkat seterusnya adalah mengumpul data yang mengambil masa 1 bulan yang dijalankan pada penggal 3 sessi 1984 - 85.

Dalam hal ini pengkaji telah guna beberapa teknik penyelidekan bagi mendapat matlumat lanjut.

i) Menggunakan Borang Soal Selidek

Borang soal selidek yang digunakan telah disediakan oleh pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) Universiti Malaya. Sebenarnya borang soal selidek ini tidaklah lengkap bagi tujuan kajian pengkaji. Walau bagaimanapun pengkaji telah menyediakan soalan-soalan tambahan bagi tujuan ini.

Borang ini terdiri dari 5 bahagian dengan 21 halaman. Soalan-soalan disediakan adalah soalan tertutup dan juga soalan-soalan terbuka. Soalan tambahan yang disediakan adalah lebih khusus pada aktiviti harian mereka seperti aspek pekerjaan, masa dan kegunaan tenaga serta lain-lain

faktur sampingan. Pengkaji juga turut mempunyai 2 orang 'key informant' untuk dirujuk kembali sebagai membuat semakan.

Semasa temubual dijalankan soalan-soalan dikemuka adalah berdasarkan soal selidek tetapi pengkaji telah mengolah bentuk soalan supaya menjadi kurang 'formal' dan lebih mudah difahami oleh para responden. Soalan-soalan yang lebih sensitif biasa ditinggalkan dahulu kepada waktu lebih sesuai untuk mengelakkan keraguan para responden. Perbincangan perkara-perkara di luar tajuk turut diselitkan.

ii) <u>Cara Pemerhatian Dan Temuduga</u>

Pemerhatian satu lagi teknik yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapat matlumat lanjut dan ianya diharapkan sebagai menampung kekurangan yang wujud dari kaedah keseluruhannya. Secara kasar ia boleh memberi gambaran sebenar serta dapat dinilai oleh pengkaji.

Pengkaji turut menebual mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan penduduk seperti Penolong Pegawai Daerah Hilir Perak, Pegawai Pertanian Cawangan, Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (TAMA), Jurutera Jabatan Parit dan Taliair serta Pegawai Rancangan Pemulihan Semula Kebun Kelapa (RPSKK). Ini dilakukan secara formal manakala secara tidak formal adalah dengan anggota-anggota lain dalam kampung itu.

University of Malaya

iii) Data Sekunder

Data Sekunder adalah teknik terakhir digunakan. Tujuannya adalah untuk mendapat matlumat tambahan untuk menguatkan lagi kajian. Data-data didapati dari Pejabat Pertanian, Kementerian Pertanian dan lain-lain.

Rujukan secara library research dibuat terutama ke atas majallah, buku, laporan dan persidangan sebagai satu teknik mengemaskan lagi laporan pengkaji.

## 1.5 Masalah Kajian

Kajian ini telah dijalankan selama 35 hari iaitu daripada 25hb. Mac 1984 sehingga 30hb. April 1984 di dua buah kampung kecil di Mukim Rungkup. Dalam masa pengkajian dibuat pengkaji tidak dapat mengelak dari timbulnya masalah-masalah. Masalah ini adalah samada dari segi pengurusan, penerimaan dan masalah persekitaran. Walau bagaimanapun masalah-masalah ini telah diatasi.

a. Borang Soal Selidek

Oleh kerana borang soal selidek tidak disediakan sendiri oleh pihak pengkaji maka ada di antara data-data ini yang tidak tepat kepada pengkajian pengkaji sendiri. Tetapi ia telah diatasi dengan mengajukan soalan-soalan tambahan yang lebih 'relevant' oleh pengkaji sendiri.

Selain dari itu terdapat masalah keadaan soal selidek yang terlalu panjang. Tentulah ini memakan masa yang panjang terutama sekiranya responden ini kurang faham. Di samping itu juga ada responden yang menampakkan kurang minat apabila soalah-soalan

itu terlalu banyak. Oleh kerana itu pengkaji telah cuba menyelitkan temubual yang tidak berkait dengan kajian. Dengan itu terlihat bahawa respon mereka lebih menggalakkan.

b. Penerimaan Responden

Walaupun pada dasarnya pengkaji diterima dengan baik tetapi pada peringkat awal kajian terdapat keraguan di kalangan penduduk. Mereka beranggapan bahawa kajian ini dibuat untuk mengenakan cukai pendapatan kepada mereka. Ini kerana kesan dari kajian yang pernah dilakukan oleh Jabatan Pertanian sebelumnya.

Namun pengkaji telah sedaya upaya menerangkan dan memperjelaskan keadaan sebenar. Dengan pertolongan Tok Sidang yang telah menyiarkannya kepada penduduk selepas sembahyang Jumaat. Maka penerimaan oleh setengah-tengah responden kemudiannya amat menggalakkan.

c. Masalah Masa

Masalah masa juga turut dihadapi terutama untuk bertemu dengan para responden. Responden yang sering tiada di rumah menyukarkan pengkaji. Ini terutama pada sebelah pagi dan petang. Mereka balik ke rumah pada waktu tengahari dan sebelah petang kebiasaan bagi mereka pergi ke pekan Selekoh untuk bertemu rakan-rakan.

Oleh itu pengkaji sendiri terpaksalah mengambil inisiatif membuat temujanji dengan responden pada waktu-waktu tertentu. Masalah ini dapat diselesaikan dan pengkaji dapat menyiapkan kajian dalam masa yang ditetapkan.

University of Malaya

Selain dari masalah-masalah yang dikemukakan terdapat juga masalah-masalah seperti ketidak-tepatan jawapan yang diberikan oleh para responden yang mana telah diatasi oleh pengkaji dengan membuat 'cross check' atau menyemak dari 'key informant'. Dan ketidak-fahaman responden diatasi dengan membuat olahan kepada soalan semudah-mudahnya supaya difahami. Walaupun masalah ini dihadapi tetapi kegugatan perjalanan penyelidekan telah diusahakan agar ia diatasi dan dapat berjalan lancar.

University of Malaya

# BAB 2

## 2. Latarbelakang Kampung Secara Umum

Bahagian latarbelakang kawasan kajian ini pengkaji akan membuat tumpuan kepada aspek sejarah, geografi, latarbelakang tempat dikaji, infrastruktur, pentadbiran dan aktiviti ekonomi dan sosial.

Penjelasan bahagian ini perlu untuk memberi gambaran kasar kedudukan dan suasana kampung yang dikaji dan aspek sosio-ekonomi masyarakat setempat.

### 2.1 Sejarah Kampung

Kampung Sungei Belukang dan Kampung Engku Semanik atau Kampung Tebuk Imam telah dibuka di antara tahun 1907 - 1908. Walau bagaimanapun kedua kampung ini tidaklah mempunyai kesan sejarah yang menarik.

Hasil daripada temubual dengan seorang penduduk tertua di kawasan kajian iaitu Haji Saat bin Jalak berusia 90 tahun pengkaji mendapati bahawa Kampung Sungei Belukang pertama kalinya dibuka oleh seorang yang bernama Encik Sabtu. Manakala Kampung Tebuk Imam telah dibuka oleh Engku Semanik yang kemudiannya menjadi imam di kampung tersebut.

Oleh kerana itulah maka Kampung Engku Semanik juga digelar Kampung Tebuk Imam. Kampung Sungei Belukang pula digelar dengan nama itu berdasarkan kepada nama ikan belukang yang dahulunya memang banyak

terdapat di dalam sungai di kampung itu.

Pada masa mula-mula dibuka kedua-dua kawasan kampung ini telah diusahakan sebagai kawasan sawah padi. Tetapi beberapa tahun kemudian berlaku banjir air masin yang telah memusnahkan sawah tersebut tanpa dapat dipulihkan kembali. Dengan itu usaha-usaha bersawah telah ditukar dengan penanaman kelapa. Sehingga kini kelapa menjadi sumber ekonomi penduduk di kedua-dua kawasan.

2.2 Kedudukan Geografi

Kedua-dua buah kampung kajian ini terletak bersebelahan antara satu sama lain. Kampung ini dipisahkan oleh kebun kelapa dan parit yang dibina sejajar dengan kedudukan kampung. Ini dapat dilihat dalam peta lakar 1. Pemisah antara kedua buah parit ini adalah sebaris 60 batang pokok kelapa di mana jarak antara sebatang pokok dengan yang lain adalah 30 kaki.

Pekan yang paling hampir dengan kedua kampung ini adalah pekan Selekoh. Ianya menjadi pusat tumpuan penduduk berhampiran untuk membeli belah terutamanya barang-barang runcit. Pada sebelah petang ianya menjadi pusat tumpuan dan penemuan antara pekebun-pekebun setelah berpenat lelah bekerja. Biasanya mereka akan berkumpul di kedai kopi yang terdapat di pekan berkenaan. Antara kedua kampung dan pekan ini dihubungi oleh sebatang jalan bentar iaitu Jalan Sungei Tiang Darat sejauh 2 atau 3 batu.

Pekan Selekoh ini terletak 23 batu daripada bandar Teluk Intan (Lihat peta 1) dan 6 batu daripada pekan Bagan Datuk. Pekan ini terletak antara sebatang jalan utama yang menghubung bandar Teluk

Intan dan Bagan Datuk. Kawasan kajian ini pula terletak di Mukim Rungkup di daerah Hilir Perak.

Mukim Rungkup merupakan mukim terletak di sebuah bagan yang mempunyai kawasan pantai yang cetek. Bahagian pantai ini telah mengalami proses geologikal di mana berlaku pengeringan air laut atau kejatuhan paras air.

Kawasan yang timbul ini telah dijadikan tanah Rancangan Rungkup 1, 2 dan 3. Tanah ini telah dihadiahkan kepada penduduk untuk dikerjakan. Tetapi kawasan ini telah musnah akibat berpecah di mana berlaku banjir air masin memusnahkan bukan sahaja tanaman di kawasan itu tetapi beberapa buah kampung berhampiran termasuklah kedua kampung yang dikaji. Pokok-pokok koko dan tanaman kopi cubaan di kawasan tersebut telah musnah. Banjir pertama berlaku pada tahun 1962 dan baru-baru ini juga pada bulan Oktober 1983.

Pada masa ini kawasan tanah rancahgan ini tidak lagi dapat ditanam dengan tanaman selingan yang lain selain dari kelapa. Tanah kawasan ini yang pada asasnya adalah jenis tanah keranji (pasir) dan Tanah Selangor (Selangor Series) atau tanah liat gembur. Tanah ini amat sesuai bagi tanaman kelapa dah hampir 50% kawasan tanaman kelapa boleh ditanam dengan koko.

Dari segi penempatan di kawasan kajian ia menunjukkan satu pola penempatan yang sejajar. Rumah-rumah dibina adalah selari dengan parit-parit utama dan cawangan (Lihat peta Lakar 1) yang dibina khusus untuk menyaliri kawasan kebun kelapa. Oleh kerana kawasan Rungkup ini mempunyai sebuah kawasan tadahan maka sering juga kawasan sekitar mengalami masalah banjir air tawar. Ini mendatangkan masalah

University of Malaya

terutama di kawasan penempatan. Keadaan jalan tanah merah memburukkan lagi keadaan. Air akan melimpah keluar dari parit-parit dan membanjiri kawasan rumah mereka.

## 2.3 Latarbelakang Kependudukan

Setiap kampung yang dikaji ini tidak mempunyai jumlah keluarga lebih dari 100 buah. Walaupun jumlah antara kedua adalah 159 buah rumah tetapi tidak semua rumah ini berpenghuni. Ada penghuninya yang telah tinggal di tempat lain. Jumlah penduduk dan pembahagian mengikut bangsa bolehlah dilihat pada jadual 1.

Jadual 1: Matlumat Asas Penduduk

| Matlumat | Sungei Belukang | Tebuk Imam |
|---|---|---|
| 1. Luas kawasan (Ha) | 722.520 | |
| 2. Bilangan rumah | 99 | 60 |
| 3. Jumlah penduduk | 479 | 349 |
| Melayu | 464 | 349 |
| Cina | 15 | - |
| 4. Kegunaan tanah (Ha) | | |
| kelapa | 712.496 | 568.25 |
| koko (dalam kebun kelapa) | 393.265 | 132.25 |
| kopi | - | |
| sayuran | 0.810 | |
| pelbagai | 2.005 | |

Sumber: Pejabat Penghulu Rungkup

University of Malaya

Daripada jadual 1 ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk kawasan kajian adalah orang Melayu. Hanya terdapat 4 buah keluarga Cina sahaja iaitu anggotanya seramai 15 orang berbanding dengan Melayu iaitu 813 orang pada tahun 1983. Golongan Cina ini keempat-empatnya adalah pekedai runcit atau pemborong kelapa.

Dari segi tempat asal penduduk,keluarga mereka sebenarnya berasal dari tanah seberang (Indonesia) iaitu dari Pulau Jawa dan Kampar. Terdapat beberapa orang keluarga sahaja yang memang berasal dari Malaysia. Tetapi generasi kedua ini telah dilahirkan di kawasan kajian dan kini adalah warganegara Malaysia.

2.4 Kemudahan Awam

Bentuk kemudahan awam yang terdapat di kawasan kajian tidak begitu menggalakkan. Namun oleh kerana kedua kampung ini kecil biasanya ia mendapatkan kemudahan ini dari pekan Selekoh. Kemudahan seperti sekolah untuk kegunaan anak-anak penduduk kawasan ini di dirikan di Selekoh. Terdapat 2 buah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Selekoh dan sebuah lagi di Sungei Tiang 2 batu dari kawasan kajian.

Manakala sekolah menengah hanya sebuah iaitu Sekolah Menengah Tun Abdul Razak Selekoh. (Lihat kedudukan dalam Peta Lakar 1). Kemudahan asas yang lain seperti letrik dan air telah dimasukkan setahun yang lalu. Kini kemudahan itu dinikmati oleh seluruh penduduk kawasan kajian. Tandas curah juga mula dibina sedikit demi sedikit oleh penduduk. Ini mengikut pada modal yang mereka perolehi. Setakat ini hanya 20 buah sahaja yang terdapat di kawasan kajian.

Kemudahan talipon awam hanya terdapat di kampung Sungei Belukang. Surau pula terdapat di kedua-dua kampung. Tetapi masjid di Kampung Sungei Belukang digunakan juga bagi keperluan penduduk Kampung Tebuk Imam.

Selain dari kemudahan ini penduduk di kawasan ini perlulah pergi ke pekan Selekoh untuk perkhidmatan pengangkutan, pos dan sebagainya.

## 2.5 Aktiviti Ekonomi

Secara ringkas aktiviti ekonomi kawasan kajian yang utama adalah pekebun kecil kelapa. Di samping itu terdapat aktiviti lain yang bukan pertanian seperti berniaga, bertukang, nelayan, imam, ustad-ustad, guru dan lain-lain. Lihat jadual 2.

Jadual 2: Aktiviti Ekonomi Penduduk (Ketua Keluarga)

| Jenis Kerja | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| Pekebun kecil | 100 | 64 |
| Berniaga/peraih | 10 | 6 |
| Pertukangan | 3 | 2 |
| Upah | 31 | 20 |
| Nelayan | 3 | 2 |
| Driver | 1 | 1 |
| Makan Gaji | 3 | 2 |
| Ustad-ustad, Imam dan guru | 4 | 3 |
| Buruh | 1 | 1 |
| Jumlah | 156 | 100% |

University of Malaya

Daripada jadual 2 jelas bahawa aktiviti yang dominan adalah sebagai pekebun kecil iaitu 84% jika digabungkan dengan kerja mengambil upah yang merupakan kerja di sektor pekebun kecil. Kerja-kerja lain yang dilakukan tidaklah melibatkan begitu ramai penduduk kawasan kajian ini.

Pekebun kecil ini tidaklah hanya bergantung kepada setiap pekerjaan yang utama bagi mereka seperti di jadual 2 tetapi mereka akan mengadakan kerja-kerja sampingan yang lain. Tetapi terdapat unsur timbul balik dari jenis kerja yang mereka lakukan antara yang sampingan dan kerja yang dilakukan sebenarnya sejak awal lagi. Penjelasan mengenai kerja sampingan akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab 3 dan 4.

Di samping kerja-kerja di sekebun kelapa mereka juga telah terlibat dengan penanaman koko sejak 15 tahun lalu atau kurang dari itu. Oleh itu hasil pendapatan mereka juga diperolehi dari koko di samping hasil kelapa dan kerja sampingan. Dari segi penggunaan tenaga faktur masa memainkan peranan untuk mereka melakukan kesemua kerja-kerja ini. Keadaan ini juga akan dibincangkan seterusnya dalam bab 3 dan 4.

## 2.6 Aktiviti Sosial

Pada masa-masa lapang pekebun kecil ini melibatkan diri dengan beberapa aktiviti sosial. Seperti pengajaran agama oleh Imam di kawasan kajian iaitu Tuan Haji Sidek yang dijalankan di masjid atau surau. Ia diadakan pada setiap hari Selasa untuk kaum wanita dan pada hari Jumaat bagi kaum lelaki.

Selain dari itu terdapat aktiviti kelas kemas bagi kaum wanita. Aktiviti lain yang disertai oleh pekebun adalah seperti RELA, Rukuntetangga dan Persatuan Belia Cawangan Selekoh. Namun kegiatan ini sudah menjadi semakin kurang aktif. Ini kerana sambutan yang semakin merosot lantaran ramai pekebun yang kurang berminat atau telah meningkat umur.

Oleh itu mereka lebih cenderung menghabiskan masa mereka dengan aktiviti persendirian atau berbual bersama rakan-rakan setiap petang di kedai-kedai kopi.

2.b <u>Latarbelakang Responden</u>

Dalam bahagian ini pengkaji cuba memperlihatkan keadaan latarbelakang responden. Perkara yang akan disentuh adalah berkenaan dengan struktur umur responden dan isteri, aspek pelajaran, struktur keluarga dan tanggungan serta pekerjaan responden dan anak-anak. Maklumat ini dapat memberi kita gambaran ringkas mengenai kedudukan sosio ekonomi.

2.7 <u>Umur</u>

Kedudukan umur responden seperti dalam jadual 3 boleh dikategorikan kepada 2 peringkat. Pertama peringkat muda yang kebiasaannya mempunyai kemampuan fisikal yang lebih tinggi. Ini amat sesuai bagi melakukan kerja-kerja di kebun kelapa yang memerlukan daya fisikal yang tinggi seperti kerja-kerja mengupas kelapa. Dari kajian yang dilakukan didapati hanya 42% daripada responden menduduki kategori ini.

Manakala golongan kedua pula adalah responden yang berumur di antara 41 tahun ke atas. Mereka meliputi 78% daripada responden. Walau bagaimanapun bagi golongan yang berumur antara 41 - 55 tahun dianggap peringkat umur yang masih mampu melakukan kerja-kerja di kebun walaupun berbanding dengan golongan muda kemampuan fisikal mereka adalah lebih rendah. Dalam konteks kawasan kajian golongan kedua ini merupakan majoriti yang melibatkan diri dengan kerja-kerja perkebunan kelapa.

Jadual 3: Kedudukan Umur Responden Dan Isteri

| Umur | Responden | | Isteri | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | Peratus | Bilangan | Peratus |
| 25 - 30 | 1 | 2 | 4 | 8 |
| 31 - 35 | 3 | 6 | 10 | 20 |
| 36 - 40 | 7 | 14 | 7 | 14 |
| 41 - 45 | 5 | 10 | 7 | 14 |
| 46 - 50 | 4 | 8 | 10 | 20 |
| 51 - 55 | 13 | 26 | 3 | 6 |
| 56 - 60 | 7 | 14 | 2 | 4 |
| 61 - 65 | 8 | 16 | 2 | 4 |
| 66 - 70 | 2 | 4 | - | - |
| *Tiada Isteri | - | - | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100 | 50 | 100% |

Sumber: Soal Selidek

*Nota : Seorang responden tidak beristeri dan 4 orang responden adalah wanita.

Isteri-isteri responden pula dikategorikan kepada beberapa peringkat umur seperti dalam jadual 3. Majoriti isteri adalah berumur antara 31 - 50 tahun iaitu seramai 68%. Berbanding dengan suami mereka umur majoriti lebih rendah daripada suami. Dalam lingkungan umur ini tidak hairanlah mereka masih mampu membantu suami mereka samada bekerja di kebun ataupun mengambil upah.

2.8 Taraf Pendidikan

Tahap pelajaran yang telah diterima oleh responden dan isteri mereka secara relatifnya adalah rendah. Keadaan ini didasarkan kepada jenis pekerjaan yang mereka lakukan. Tahap pelajaran mereka dijelaskan dalam jadual 4.

Berdasar pada jadual 4 adalah jelas bahawa kebanyakan responden hanya mempunyai pendidikan formal di antara 1 hingga 6 tahun peringkat sekolah Melayu. Walaupun pada masa lalu pendidikan 3 - 6 tahun adalah peringkat tertinggi tetapi mereka tidak berpeluang melanjutkan pelajaran atau menceburi bidang lain.

Sejumlah 48% dari responden dan 24% daripada isteri mereka mendapat didikan antara darjah 4 hingga 6. Namun terdapat 16% responden dan 8% dari isteri mereka telah mendapat pendidikan sehingga peringkat menengah. Tetapi mereka semuanya kandas samada di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun pada keseluruhannya taraf pencapaian mereka dalam bidang akademik adalah rendah. Di samping itu juga 16% responden dan 52% isteri mereka tidak pernah mendapat pendidikan formal.

Jadual 4: Tahap Pelajaran Responden Dan Isteri

| Tahap pelajaran | Suami | | Isteri | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | % | Bilangan | % |
| *Tidak sekolah | 8 | 16 | 26 | 52 |
| Sekolah Melayu | 10 | 20 | 8 | 16 |
| Darjah 1-3 Sekolah Melayu | 24 | 48 | 12 | 24 |
| Darjah 4-6 Sekolah | 3 | 6 | 2 | 4 |
| Sek. Men. Rend. Tingkatan 1-3 | 5 | 10 | 2 | 4 |
| Sek. Men. Atas Tingkatan 4-5 | | | | |
| Jumlah | 50 | 100% | 50 | 100% |

Sumber: Soal selidek

*Nota: 4 orang isteri adalah juga responden, seorang isteri sudah tiada.

## 2.9 Kedudukan Struktur Keluarga

Bentuk-bentuk keluarga yang terdapat di kawasan kajian majoritinya adalah bentuk keluarga asas. Keluarga ini merangkumi anggota keluarga terdiri daripada kedua suami dan isteri serta anak-anak yang belum berumahtangga. Namun terdapat juga beberapa buah keluarga yang berbentuk extended iaitu yang mempunyai lebih dari sebuah keluarga asas yang tinggal di dalam sebuah rumah. Walaupun ia merupakan ciri-ciri struktur keluarga di luar bandar namun di

University of Malaya

kawasan kajian keadaan ini diperhasilkan tidak ketara.

Faktur penghijrahan telah memperkecilkan jumlah keluarga. Ini berlaku di mana terdapat anak-anak responden yang telah berhijrah ke bandar setelah tamat persekolahan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Perkara ini akan dijelaskan dalam bahagian seterusnya. Anak-anak responden yang berhijrah ini samada yang belum berkahwin atau mereka yang berkahwin mengikut suami dan sebagainya. Kebanyakan mereka telah bertumpu ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan paling hampir ke kampung-kampung lain di Mukim Rungkup.

Obligasi kepada kaum keluarga merupakan faktur terbentuknya extended family. Di mana ada keluarga yang tinggal bersama ibu ketua/ isteri atau bapa mereka. Dan ada pula keluarga yang memelihara cucu atau saudara mara mereka. Ini menunjukkan ikatan kekeluargaan itu masih kukuh di kalangan mereka.

Dari segi taburan ketua keluarga adalah jelas pengelompokan sesuatu kaum kerabat di satu kawasan. Dari pemerhatian didapati dalam sebidang tanah terdapat beberapa buah rumah yang keluarganya mempunyai hubungan darah. Misalnya rumah siibu diapit oleh rumah anak-anaknya dan sebagainya. Keadaan pengelompokan ini adalah atas sebab-sebab sistem pemecahan harta (sistem faraid) dan juga obligasi dan ikatan terhadap keluarga tadi.

## 2.10 Bilangan Anak Responden Dan Tanggungan

Dari segi bilangan anak responden adalah dilihat dari segi keseluruhan jumlah anak samada yang telah berkahwin ataupun belum. Jika dari aspek tanggungan ada di antara mereka bukan lagi di bawah

tanggungan responden. Namun bilangan ini cuba memperlihatkan keadaan keluarga asas responden ini untuk perbandingan dengan tanggungan sekarang.

Dari Jadual 5 dapat dibahagikan bilangan anak responden pada peratus tertinggi iaitu 60% dari lingkungan 5 hingga 8 orang anak. Ini merupakan suatu saiz keluarga yang besar. Manakala 32% responden mempunyai anak kurang daripada 5 orang. Secara purata jumlah anak setiap responden adalah 5.4 orang. Pada jumlah ini tentulah responden perlu menampung saiz keluarga yang sederhana.

Jadual 5: Bilangan Anak Responden

| Bilangan Anak Responden | Bilangan Keluarga | Peratus |
|---|---|---|
| 1 - 2 | 6 | 12 |
| 3 - 4 | 10 | 20 |
| 5 - 6 | 15 | 30 |
| 7 - 8 | 15 | 30 |
| 9 - 10 | 3 | 6 |
| Lebih dari 10 | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Sumber: Soal selidek

Saiz keluarga yang perlu ditanggung oleh responden berbeza dari bilangan anak yang telah diterangkan. Ini kerana saiz tanggungan yang perlu disarai bukan saja merupakan dari jumlah anak mereka tetapi juga terdapat responden yang menangung selain dari anak-anak dan isteri mereka iaitu seperti ibu, bapa atau kaum keluarga mereka.

University of Malaya

Saiz tanggungan responden boleh dirujuk pada jadual 6 dan orang-orang yang di bawah tanggungannya boleh dirujuk pada jadual 7.

Jadual 6
Saiz Keluarga Bawah Tanggungan Responden

| Bilangan Tanggungan | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 1 | - | - |
| 2 | 5 | 10 |
| 3 | 9 | 18 |
| 4 | 5 | 10 |
| 5 | 7 | 14 |
| 6 | 4 | 8 |
| 7 ke atas | 20 | 40 |
| Jumlah | 50 | 100% |

Sumber: Soal selidek

Kedudukan tanggungan yang perlu dipikul oleh responden dalam jadual 6 dapat mengambarkan tanggungan yang lebih dari 7 orang adalah 40% responden. Manakala 60% responden mempunyai anak kurang dari jumlah ini. Purata jumlah anak yang ditanggung oleh setiap responden adalah 5 orang.

Melihat kepada jadual orang yang ditanggung selain dari isteri dan anak didapati bahawa 14 orang responden terlibat. Jumlah tanggungan mereka bertambah dengan kehadiran orang-orang yang mempunyai pertalian darah dengan mereka ini. Namun dalam masyarakat Melayu khususnya faktur obligasi kepada keluarga masih wujud.

University of Malaya

Jadual 7: Orang-orang Yang Ditanggung Oleh Responden

| Bilangan | Tanggungan Responden | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Isteri | Anak | Ibu S/I | Bapa S/I | Cucu | Saudara Mara | Jumlah |
| 1 | 45 | 7 | 8 | 1 | - | 2 | 63 |
| 2 | - | 13 | - | - | 1 | - | 14 |
| 3 | - | 3 | - | - | - | 1 | 4 |
| 4 | - | 6 | - | - | - | - | 6 |
| 5 | - | 6 | - | - | - | 1 | 7 |
| 6 | - | 10 | - | - | - | - | 10 |
| 7 | - | 5 | - | - | - | - | 5 |
| 8 | - | - | - | - | - | - | - |
| 9 | - | - | - | - | - | - | - |
| 10 | - | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah Responden | 45 | 50 | 8 | 1 | 1 | 4 | 109 |
| Jumlah | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 |

## 2.11 Struktur Umur Anak-anak Responden

Umur anak-anak responden boleh dibahagi kepada 3 peringkat iaitu kanak-kanak yang berumur antara 0 - 15 tahun. Golongan ini adalah peringkat umur yang teramai iaitu 43% daripada bilangan anak responden (lihat Jadual 8). Secara tidak langsung mereka masih di bawah tanggungan keluarga dan masih memerlukan perhatian dan bimbingan yang sewajarnya daripada keluarga.

University of Malaya

Keduanya adalah anak-anak yang berumur dalam lingkungan 16 - 25 tahun. Golongan remaja ini meliputi 31% daripada bilangan anak responden. Mereka terdiri dari anak-anak yang masih menuntut, berhenti sekolah ataupun yang telah bekerja dan berumahtangga. Mereka yang telah beredar dari kampung ini sudah mampu menanggung diri mereka sendiri. Bilangan mereka ini boleh dirujuk kepada jadual 8. Tetapi bagi anak-anak yang masih bersekolah dan yang tidak bekerja masih di bawah tanggungan keluarga mereka.

Kategori seterusnya adalah anak-anak yang telah dewasa yang lebih mampu menanggung diri mereka bahkan telah membentuk keluarga mereka sendiri. Mereka adalah anak-anak responden yang telah berumur lebih daripada 25 tahun. Namun masih ada yang tidak bekerja yang mana terpaksa ditanggung oleh responden. Ini terutama bagi anak-anak perempuan yang mana daya tenaga fisikal untuk bekerja di kebun kelapa terbatas kerana kerja di kebun kelapa yang memerlukan tenaga fisikal yang tinggi.

Jadual 8: Struktur Umur Anak-anak Responden

| Umur Anak Responden | Bilangan Anak Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 0 - 5 | 43 | 16 |
| 6 - 10 | 33 | 12 |
| 11 - 15 | 41 | 15 |
| 16 - 20 | 44 | 16 |
| 21 - 25 | 40 | 15 |
| 26 - 30 | 26 | 10 |
| 31 - 35 | 23 | 9 |
| Lebih dari 35 | 18 | 7 |
| Jumlah | 268 | 100% |

Jadual 9: Tahap Pelajaran Anak-anak Responden Mengikut Umur

| Tahap Pelajaran Anak Responden / Umur (tahun) | dari 5 | 6-10 | 11-15 | 16-20 | 21-25 | 26-30 | 31-35 | 35 | Bilangan anak Responden | Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tidak bersekolah | 43 | - | - | 1 | 3 | 2 | 1 | 2 | 52 | 19 |
| Darjah 1-3 | - | 33 | 6 | 2 | 3 | 5 | 6 | 6 | 61 | 23 |
| Darjah 4-6 | - | - | 12 | 12 | 5 | 9 | 10 | 4 | 52 | 19 |
| Tingkatan 1-3 | - | - | 23 | 12 | 8 | 4 | 4 | 4 | 55 | 21 |
| Tingkatan 4-6 | - | - | - | 14 | 15 | 3 | 2 | 2 | 36 | 13 |
| Tingkatan 6 bawah - 6 atas | - | - | - | 3 | 5 | - | - | - | 8 | 3 |
| Institusi Pengajian Tinggi | - | - | - | - | 1 | 3 | - | - | 4 | 2 |
| Jumlah | 43 | 33 | 41 | 44 | 40 | 26 | 23 | 18 | 268 | 100% |

Sumber: Soal selidek dan temuduga



University of Malaya

2.12 Taraf Pelajaran Anak-anak Responden

Kedudukan tahap pelajaran anak responden ditunjukkan dalam jadual 9. Oleh itu dapat dilihat bagaimana taraf pendidikan yang mereka perolehi.

Pendidikan formal adalah menggalakkan di kalangan anak-anak responden. Kebanyakan anak mereka telah mendapat pendidikan asas iaitu di peringkat sekolah rendah. Tidak kurang juga mereka yang telah melanjut pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Tetapi amat kurang mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti ke institusi pengajian tinggi. Setakat ini hanya 4 orang daripada mereka telah memasuki Institut Teknologi Mara, Universiti dan seorang telah keluar negeri.

Anak-anak responden yang telah mendapat pendidikan rendah dan yang masih bersekolah di peringkat rendah adalah 81%. Dan anak-anak responden yang telah menjaingkan ke peringkat sekolah menengah adalah 39% samada yang sedang menuntut atau yang telah menamatkan pengajian mereka di peringkat sekolah menengah. 19% seterusnya adalah anak responden yang belum bersekolah atau yang langsung tidak memperolehi pendidikan formal ini.

Keadaan jumlah dan kategori pelajaran anak-anak responden memperlihatkan penempatan mereka sekarang dan kadar anak-anak yang bekerja adalah rendah. Begitu juga penyebaran mereka samada bersama keluarga atau telah keluar ke tempat lain bekerja dan sebagainya.

2.13 Pekerjaan Responden

Secara umum bolehlah dikatakan bahawa pekebun kecil kelapa di kawasan kajian adalah terdiri dari pekebun kecil sepenuh masa dan pekebun kecil separuh masa. Pekebun kecil sepenuh masa adalah mereka yang menjalankan kerja-kerja di kebun kelapa sahaja. Manakala pekebun kecil separuh masa adalah mereka yang tidak sahaja bekerja di kebun kelapa tetapi turut menjalankan kerja-kerja lain. Kerja-kerjanya sendiri ada yang diupahkan untuk dikerjakan oleh orang lain.

Walau bagaimanapun responden-responden yang dikaji boleh dikatakan 80% daripada mereka adalah pekebun kecil sepenuh masa. Tetapi tidak seorang responden pun yang mempunyai kerja tetap dengan kerajaan. Bentuk kerja mereka boleh dikatakan berbentuk 'homogenous' ini kerana kegiatan antara seorang dengan yang lain tidak jauh berbeda.

Oleh itu kerja-kerja apa sahaja yang bersabit dengan kerja-kerja di kebun kelapa samada kerja-kerja mengambil upah, mengerjakan kebun sendiri, memawah dianggap sebagai pekebun kecil. Pekebun kecil ini ramai yang terlibat dengan kerja-kerja sampingan seperti mengambil upah di kebun orang lain di samping mereka melakukan kerja di kebun mereka sendiri. Usaha-usaha menanam koko turut dilaksanakan sebagai satu usaha mempelbagaikan tanaman mereka.

Penglibatan dengan kedua-dua usaha ini dapat menampung masa-masa mereka yang terluang setelah kerja-kerja berhubung dengan kelapa selesai. Koko dikatakan sebagai tanaman yang memerlukan tenaga yang intensif dari awal peringkat penanaman sehingga ke peringkat pengeluaran.

Kerja-kerja sampingan ini dijalankan sebagai kegiatan tambahan di samping menghindarkan diri mereka hanya bergantung pada kelapa yang sentiasa mengalami turun naik harga. Terdapat beberapa jenis kerja dilakukan samada di sektor perkebunan ataupun bukan pekebunan. Berhubung dengan perkara ini akan diterangkan lagi dalam bab 4 dan 5.

Pola-pola pekerjaan responden dan isteri boleh dilihat daripada jadual 10.

Jadual 10: Pola Pekerjaan Responden

| Jenis Pekerjaan | Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 1. Usaha kebun sendiri semata-mata | 5 | 10 |
| 2. Usaha kebun sendiri dan ambil upah | 30 | 60 |
| 3. Usaha kebun sendiri dan berniaga | 2 | 4 |
| 4. Usaha kebun sendiri dan bertukang | 3 | 6 |
| 5. Usaha kebun dan nelayan | 2 | 4 |
| 6. Ustad-ustad dan usahakan kebun sendiri | 1 | 2 |
| 7. Ambil upah semata-mata | 2 | 4 |
| 8. Tidak bekerja | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100% |

University of Malaya

Jadual 11: Pekerjaan Dilakukan Oleh Isteri Responden

| Jenis-jenis kerja | Isteri Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Membantu suami | 24 | 53.0 |
| Berniaga | 2 | 4.5 |
| *Mengambil upah | 5 | 11.0 |
| Bekerja di estate | 2 | 4.5 |
| Melakukan kerja rumah | 12 | 27.0 |
| Jumlah | 45 | 100.0% |

*Nota: Ambil upah termasuk mengutip koko dan mencungkil kelapa

Isteri-isteri juga turut serta dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi. Tugas ini dijalankan di samping tugas mereka sebagai suri rumahtangga. Mereka yang melakukan kerja-kerja ini biasanya isteri-isteri yang tidak lagi mempunyai anak kecil kerana bagi isteri-isteri sukar sekiranya ia ingin meninggalkan anak yang masih kecil. Melainkan jika ia ada anak yang lebih dewasa untuk menjaga bayi itu.

Isteri-isteri ini bekerja atas kesedaran keperluan keluarga dan untuk membantu suami agar kurang bebanan yang dipikulnya. Walaupun apa yang diperolehi dari kerja mereka ini tidaklah selumayan yang diperolehi oleh suami mereka. Misalnya mengambil upah mencungkil hanyalah $7.00 bagi 1000 biji kelapa.

University of Malaya

Daripada jadual 11, hampir 73% dari isteri turut sama dalam kerja-kerja sampingan. Secara tidak langsung mereka dapat juga menampung beban kos bagi kerja-kerja di kebun. Isteri yang bekerja di estate dan berniaga dapat menampung keperluan pendapatan keluarga. Ada isteri yang menerangkan bahawa mereka bekerja untuk keperluan harian anak-anak seperti belanja sekolah atau membeli makanan ringan seperti gula-gula dan sebagainya.

University of Malaya

# BAB 3

## KERJA-KERJA SAMPINGAN

Bahagian kerja-kerja sampingan ini terbahagi 2 iaitu mengenai kerja-kerja sampingan yang dilakukan oleh pekebun kecil. Di sini pengkaji akan memperjelaskan mengenai klasifikasi kerja yang dilakukan, jenis-jenis kerja sampingan yang dilakukan dan penglibatan keluarga pekebun dalam kegiatan ini. Penjelasan ini dapat memberi gambaran apakah bentuk kerja sampingan yang mereka lakukan selama ini.

Manakala bahagian kedua bab ini akan memaparkan sebab-sebab yang mendorong pekebun untuk melakukan kerja sampingan. Di sini pengkaji cuba mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun serta kemudahan yang mendorong dan memberi peluang kepada pekebun untuk melakukan kerja sampingan ini.

3.a

### 3.1 Kerja-kerja Sampingan

Sebagaimana dibincangkan dalam bab 2 aktiviti kerja sampingan merupakan kegiatan ekonomi yang penting di kawasan kajian. Kerja-kerja menjadi punca pendapatan kedua dan faktur yang mempengaruhi kehidupan pekebun kecil ini. Ini disebabkan kerja sampingan ini diperlukan untuk pekebun kecil mendapatkan tambahan kepada pendapatan mereka yang selama ini lebih bergantung kepada hasil kelapa sahaja.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Penglibatan pekebun kecil dengan kerja sampingan telah lama bertapak dan kini masih diteruskan. Ia semakin berkembang dengan kemerosotan kepentingan kelapa. Hal ini jelas apabila kerja-kerja sampingan yang dilakukan bukan sahaja bersabit dengan kerja-kerja di kebun kelapa tetapi kini mula tersebar pada kegiatan ekonomi bukan pertanian.

Walaupun demikian daripada kajian menunjukkan penglibatan pekebun kecil dalam kerja-kerja bukan pertanian ini masih terhad. Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan modal dan faktur kerja-kerja yang memerlukan kemahiran. Misalnya berniaga, bertukang dan sebagainya.

Di samping itu dalam siri pembangunan pertanian, sektor pekebun kecil kelapa ini telah diberi perhatian. Berorientasikan kepada Dasar Pertanian Negara usaha-usaha bagi memaksimakan pendapatan kebun menerusi peningkatan daya pengeluaran mula dipergiatkan. Ini merupakan usaha bagi mengurangkan kemiskinan luar bandar dan meningkatkan kualiti hidup. Dengan ini dasar ini juga cuba mengekalkan tenaga buruh produktif di dalam sektor pertanian. Khususnya sektor pekebun kecil. Usaha-usaha mempelbagaikan tanaman baru telah membawa pekebun kepada penggunaan tanah pertanian yang lebih intensif.

Dalam konteks kawasan kajian pokok koko telah diperkenalkan sebagai tanaman selingan kepada kelapa. Kesannya pendapatan petani dapat ditingkatkan di mana hasil diterima dari kelapa dan koko. Di samping itu juga pelbagaian tanaman ini dapat menambahkan penggunaan gunatenaga di kalangan pekebun kecil.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

## 3.2 Klasifikasi Kerja-kerja Sampingan

Kerja-kerja sampingan di sini adalah kerja-kerja yang dilakukan oleh pekebun kecil sebagai kegiatan tambahan selain daripada kerja-kerja mereka di kebun kelapa sendiri. Kerja-kerja ini biasa dilakukan pada masa lapang dan hari-hari sementara menunggu musim-musim pengeluaran atau setelah selesai kerja di kebun.

Perbincangan di sini adalah pengklasan kerja-kerja sampingan yang dilakukan oleh responden, isteri dan anak-anak.

Jadual 12

Klasifikasi Kerja-kerja Sampingan Bagi 156 Orang

| Klasifikasi kerja | Penduduk | Peratus | Responden | Peratus |
|---|---|---|---|---|
| Mengambil upah | 87 | | 32 | 64 |
| Usaha Persendiri | 9 | | 5 | 10 |
| Makan gaji | 7 | | 2 | 4 |
| Tidak terlibat | 53 | | 11 | 22 |
| Jumlah | 156 | 100% | 50 | 100% |

Klasifikasi kerja sampingan berdasarkan jadual 12 menunjukkan terdapat tiga kategori kerja yang dilakukan. Daripada 156 buah keluarga seramai 60% terlibat dengan kerja sampingan manakala responden yang terlibat adalah 78%. Di antara ketiga-tiga klas kerja tersebut mengambil upah adalah yang paling popular. Ini adalah kerana kerja ini terlibat dengan kebun kelapa itu sendiri yang menjadi kebiasaan kepada pekebun. Usaha persendirian pula dilakukan oleh mereka yang berpengalaman dan mempunyai kemahiran

University of Malaya

sahaja.

Kerja-kerja sampingan ini dilakukan atas berbagai sebab antaranya adalah untuk mengatasi masalah tekanan hidup dan keperluan terhadap pekerja-pekerja itu sendiri. Secara tidak langsung ia membuka jalan pada peluang pekerjaan. Ini dijelaskan dari kajian yang pernah dilakukan oleh Encik Selvadurai.

> "When members of the farm household work in other farms, the available occupations will depend on the crops that are grown by their neighbours and these are often very similar to what they themselves cultivate. But periodically they required additional labour which at this provide employment for the local people." (Selvadurai, 1968)

Walaupun tidak dinyatakan dalam jadual tetapi ada sebilangan penduduk melakukan kerja-kerja di kebun keluarga mereka. Walaupun mereka tidak menerima upah dalam bentuk wang tetapi kebiasaannya mereka akan mendapat bahagian daripada usaha mereka. Misalnya jika ia menolong mengerjakan kerja di kebun kelapa sebahagian dari hasil kebun koko diserahkan kepadanya. Oleh itu seolah-olah ada ciri-ciri upah di sini.

## 3.3 Jenis-jenis Kerja Sampingan

Daripada klasifikasi yang dibuat kerja-kerja ini bolehlah dijeniskan pula mengikut kerja-kerja yang dilakukan oleh responden. Tiap-tiap satu dari 3 jenis pengklasan tadi terdiri dari beberapa bentuk pekerjaan.

1. Mengambil Upah

Kerja-kerja mengambil upah melibatkan kerja-kerja dijalankan di kebun-kebun kelapa. Jenis kerja itu adalah:

a) mengambil upah mengait kelapa

b) mengambil upah mengupas dan mengangkut kelapa

c) mengambil upah menebas dan menyembur dan membersihkan kebun.

Kerja-kerja ini biasa dilakukan oleh pekebun kecil sahaja. Ini kerana kerja-kerja ini memerlukan tenaga dan kemahiran. Jadi ia tidak sesuai dilakukan oleh kaum wanita. Walau bagaimanapun ada di kalangan anak responden yang turut melakukan kerja ini.

2. Usaha-usaha Persendirian

Kerja-kerja di bawah usaha-usaha persendirian dilakukan oleh hanya sebilangan penduduk di kawasan kajian (jadual 13). Ianya tidak sepopular kerja mengambil upah.

Jenis kerja:

a) berniaga kecil-kecilan

b) bertukang rumah

c) mengayam tikar (kaum wanita)

d) menangkap ikan/kerang (mengikut musim)

Bahagian kerja-kerja seperti bertukang dan menangkap ikan dilakukan mengikut permintaan. Menangkap ikan dan kerang biasa mengikut musim-musim tertentu.

3. <u>Makan Gaji</u>

Makan gaji adalah kerja yang mendapat upah secara tetap samada berbentuk gaji atau elaun. Jenis kerja ini di kategorikan kepada:

a) ustad-ustad

b) pekerja estet

Meskipun kerja-kerja ini ada di kalangan pekebun kecil dan isterinya tetapi bilangannya terlalu sedikit.

Jadual 13
Jenis Kerja-kerja Sampingan Yang Dilakukan Oleh Responden

| Jenis-jenis kerja sampingan | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Upah mengait kelapa | 19 | 39 |
| Upah mengupas kelapa | 14 | 29 |
| Upah menebas dan meracun | 3 | 6 |
| Berniaga kecil-kecilan | 4 | 8 |
| Bertukang | 3 | 6 |
| Menangkap ikan dan kerang | 3 | 6 |
| Nelayan | 2 | 4 |
| Ustad-ustad | 1 | 2 |
| Jumlah | *48 | 100% |

*Nota: Jumlah ini terdiri juga dari responden yang melakukan 2 jenis kerja sampingan.

Jadual 13 menunjukkan 2 kerja sampingan yang dominan iaitu melibatkan 68% responden iaitu upah mengait dan mengupas. Seperti telah dibincangkan sebelum ini bahawa responden yang melakukannya telah berpengalaman dan berkemahiran setelah sekian lama menceburi bidang ini.

Ada pula di antara responden yang mengerjakan lebih dari 1 kerja sampingan. Dari jadual 12 bab 3 jumlah sebenar responden terlibat adalah 39 orang. Manakala 11 orang yang tidak terlibat termasuklah responden yang telah tua, uzur, lebih suka mengerjakan kebun sendiri sahaja dan juga mereka yang tidak bertanah. Mereka yang mengerjakan kebun sendiri biasanya mempunyai tanah yang luas dan dapat menjamin keperluan kehidupan.

Usahawan-usahawan kecil pula terdiri dari 7 orang responden. Walau bagaimanapun usaha-usaha mereka bukan sahaja dapat menolong mereka mengatasi kesempitan tetapi juga dapat memberi perkhidmatan pada penduduk setempat.

Sementara itu kerja-kerja lain seperti ustadz, nelayan dan lain-lain masih terlalu sedikit. Kerja-kerja menangkap ikan pinggiran pada satu masa adalah kerja sampingan yang penting tetapi oleh kerana ikan-ikan kini semakin berkurangan ramai penduduk yang beralih kepada kerja-kerja lain dan ditambah pula dengan adanya penanaman koko maka kerja-kerja itu terus ditinggalkan.

University of Malaya

## 3.4 Penglibatan Keluarga

Mengenai penglibatan keluarga biasanya terdiri dari isteri dan anak-anak. Terdapat beberapa jenis kerja yang selalunya dilakukan oleh mereka. (Lihat jadual 7 bab 2).

Walaupun ada anak yang terlibat tetapi jumlah terlalu sedikit. Hanya 2% yang benar-benar terlibat. Mereka bekerja samada membantu keluarga atau mengambil upah sambilan sementara menunggu peluang-peluang pekerjaan. Kebanyakan mereka ini adalah lepasan sekolah. Di samping itu ada di kalangan mereka yang tidak berminat untuk melakukan kerja-kerja ini ataupun membantu keluarga mereka.

Daripada jadual 14 menunjukkan terdapat 40 orang anak responden yang tidak bekerja tetapi 13 orang mereka ini telah pun berumahtangga. Sementara itu juga terdapat 50% dari mereka adalah anak perempuan.

Jadual 14

Kerja-kerja Yang Dilakukan Oleh Anak-anak Responden

| Jenis pekerjaan | Bilangan Anak | Peratus |
|---|---|---|
| Membantu keluarga di kebun | 4 | 1 |
| Mengambil upah | 3 | 1 |
| Bekerja di bandar/kahwin | 83 | 31 |
| Pekebun kecil | 6 | 2 |
| Masih bersekolah | 132 | 49 |
| Tidak kerja | 40 | 15 |
| Jumlah | 268 | 100% |

Isteri-isteri responden juga turut meluangkan masa mereka untuk menjalankan kerja-kerja sampingan. Di samping menguruskan rumahtangga mereka berkesempatan membantu suami mereka di kebun. Ada juga di antara mereka yang bekerja di estet-estet. Keadaan ini atas kesedaran mereka tentang keperluan wang tempahan untuk menampung keluarga terutama bagi perbelanjaan anak-anak yang masih bersekolah.

3.b Sebab-sebab Kerja Sampingan Dilakukan

Terdapat beberapa sebab kerja-kerja sampingan dilakukan oleh pekebun kecil atau responden. Kerja-kerja sampingan ini telah dilakukan oleh 50% penduduk kawasan kajian. Dengan ini adalah sukar untuk membezakan samada kerja tetap atau sampingan yang lebih dominan. Namun boleh dikatakan setiap responden yang ditemui (yang terlibat dengan kerja ladang) menyatakan kerja utama mereka adalah mengusahakan kebun sendiri. Hasil dari kebun mereka biar pun yang telah tua masih dikeluarkan kerana ia menjadi punca pencarian utama mereka seperti generasi sebelum mereka lagi.

Oleh yang demikian kerja-kerja lain selain daripada mengeluarkan hasil dari kebun kelapa dan koko merupakan kerja-kerja sampingan yang dilakukan. Antara sebab-sebab responden melakukan kerja sampingan adalah:-

a) pendapatan yang tidak cukup

b) tanggungan/perbelanjaan

c) pemilikan tanah

d) kos pengeluaran (modal)

e) Rangkakerja/masa

f) kemudahan dan permintaan.

University of Malaya

3.5 Kedudukan Pendapatan Yang Tidak Mencukupi

Seandainya pekebun kecil ini hanya bergantung kepada hasil kelapa tidak mungkin mereka dapat menampung keperluan keluarga. Dengan pergantungan kepada harga yang anjal kepada turun naik. Harga pasaran dunia telah mempengaruhi keadaan pendapatan mereka. Sejak tahun 70 an harga kelapa telah merosot sama sekali sehingga awal 80 an (lihat lampiran 1) harga kelapa telah turun berterusan. Misalnya pada bulan Januari tahun itu harga kelapa adalah $89.29 sepikul (kopra). Tetapi ia telah mengalami penurunan sehingga harga pada September 1980 harga adalah $61.18 sepikul. Penurunan ini adalah 1/3 atau 30% pada tahun yang sama.

Walau bagaimanapun harga kopra ini tidak mengalami kenaikan malah semakin membimbangkan para pekebun kecil. Harga kopra tertinggi hanya didapati pada bulan Mei 1979 tetapi pada akhir tahun 1985 harganya telah jatuh kepada $30.00 sepikul. Manakala harga kelapa bulat pula telah jatuh daripada 20 sen kepada 3 sen sebiji.

Kadar harga yang mereka dapati ini telah menjejaskan pendapatan yang mereka terima oleh kerana pergantungan yang wujud. Keadaan tidak stabil ini juga disebabkan oleh kebanjiran kelapa dari negara luar seperti Thai dan Burma secara haram.

Selain dari itu pergantungan kepada harga yang ditetapkan oleh peraih juga menjejas harga yang sepatutnya diperolehi. (Lihat rangkaian harga di peringkat ladang dan kepada peraih dan seterusnya. Lampiran 2). Pada pekebun, walaupun mereka menyediakan kopra yang paling baik sekali pun pembeli tetap mengatakan ia kurang bermutu yang menyebabkan harga rendah.

Jadual 15

Hasil Pendapatan Responden Dari Tanaman Kelapa Semusim

| Pendapatan | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 100 - 150 | 8 | 19 |
| 151 - 200 | 12 | 29 |
| 201 - 250 | 12 | 29 |
| 251 - 300 | 5 | 12 |
| 300 - 350 | - | - |
| 351 - 400 | 1 | 2 |
| 401 - 450 | 1 | 2 |
| 451 - 500 | 2 | 5 |
| [illegible] - 700 | 1 | 2 |
| Jumlah | *43 | 100% |

*Nota: 7 orang responden tidak mempunyai kebun sendiri.

Sejumlah 77% responden memperolehi kurang daripada $300.00 bagi semusim pengeluaran. Jumlah ini tidak mungkin dapat menampung keperluan keluarga. Bermakna sebulan mereka hanya memperolehi $150.00 Pendapatan ini lebih jauh dari ditetapkan oleh garis kemiskinan iaitu $450.00 bagi tahun 1985. Keadaan ini menggalakkan pekebun kecil melakukan kerja sampingan.

Selain daripada faktur harga keadaan pemilikan tanah turut mempengaruhi pendapatan responden. Oleh itu pola pemilikan tanah di kalangan responden adalah aspek yang perlu diberi perhatian. Di tinjau kepada jumlah pemilikan tanah kebanyakan responden mempunyai

University of Malaya

tanah yang diwarisi dari keluarga. Ada juga yang mendapat dari Rancangan atau hadiah dari kerajaan. Seramai 6 orang responden terlibat dengan keadaan ini. Mereka mendapat antara 4 - 5 ekar bagi setiap seorang.

Purata tanah yang mereka miliki adalah 5 ekar seorang yang boleh dikategorikan dalam golongan yang memiliki tanah tidak ekonomik. Jumlah pemilikan boleh dirujuk kepada jadual 16.

Jadual 16
Jumlah Pemilikan Tanah Kelapa Di Kalangan Responden (Acreage)

| Keluasan tanah (ekar) | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Tiada tanah | 5 | 10 |
| 1 - 3 | 21 | 42 |
| 4 - 6 | 14 | 28 |
| 7 - 9 | 6 | 12 |
| 10 - 12 | 3 | 6 |
| 12 ekar | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100% |

Sumber: Soal selidek

Merujuk kepada jadual 16 seramai 10% responden tidak mempunyai tanah langsung. Seramai 80% pula mempunyai tanah kurang dari 6 ekar. Keadaan pemilikan yang relatif kecil ini disebabkan kehilangan tanah kepada orang tengah dan pembahagian pusaka pada masa lalu.

University of Malaya

Oleh itu hasil yang didapati adalah rendah bagi mereka yang memiliki tanah yang sedikit lantaran kurangnya penerapan teknologi. Pekebun terpaksa bergelut dengan keadaan harga yang tidak tetap serta kos yang meningkat. Justeru itu melakukan aktiviti sampingan adalah sesuatu yang perlu.

## 3.6 Faktur Kos Pengeluaran

Bahagian kos pengeluaran ini pengkaji cuba melihat bagaimana faktur kos pengeluaran ini mempengaruhi responden untuk melakukan kerja sampingan. Aspek yang dibincangkan adalah faktur modal dan buruh.

### Modal

Modal biasa diperlukan untuk mengusahakan atau memulakan sesuatu kegiatan. Modal dalam konteks pekebunan kelapa perlu bagi pemulihan kebun dan pengeluaran hasil semusim ke semusim. Kebanyakan responden memerlukan wang tunai untuk setiap pengeluaran. Dengan mengerjakan kerja sampingan dapat memberi mereka wang tunai yang cepat bagi membayar kos-kos yang diperlukan untuk pengeluaran kelapa.

Walaupun rancangan penanaman semula dan pemulihan cuba dilancarkan oleh pihak Jabatan Pertanian tetapi ianya setakat ini tidak dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana penerimaan pekebun kecil yang tidak menggalakkan. Menurut responden ini adalah kerana mereka kekurangan modal dan kebun mereka juga kecil. Sekiranya mereka terlibat dengan tanaman semula mereka perlu menyediakan modal yang besar.

Bukan sahaja modal untuk pemulihan sukar disediakan tetapi juga kos untuk pengeluaran sesuatu musim kelapa turut menjadi bebanan bagi mereka. Oleh kerana kerja-kerja di kebun kelapa memerlukan tenaga fisikal yang tinggi dan memerlukan tenaga kerja hari yang besar menyebabkan kerja-kerja ini perlu diupah. Ini adalah berdasarkan pada 55% kerja-kerja di kebun kelapa adalah kerja-kerja penanaman. Pembahagian kerja-kerja ini boleh dilihat dalam lampiran 3. Manakala 42% kerja-kerja adalah dalam pengeluaran dan pemerosesan. Dengan ini responden terpaksa menampung kos pengeluaran bagi kerja-kerja pengeluaran dan pemerosesan ini. Berdasarkan lampiran 4, memperlihatkan aliran keluar wang bagi tahun pertama ditanam hingga 15 tahun. Ini adalah untuk kos-kos pembangunan dan penyelenggaraan.

Dalam lampiran 5 pula merupakan kos yang perlu disediakan bagi satu musim pengeluaran. Kos bagi 3 jenis kerja dan proses memetik hingga pemerosesan kopra memerlukan modal $420.00 bagi tanah seluas 5 ekar. Oleh yang demikian setiap musim pengeluaran responden terpaksa menyediakan wang tunai untuk kerja-kerja ini.

Di samping itu di kawasan kajian masa-masa pengeluaran biasanya 2 bulan sekali. Jadual 20. Jadual 16 pula memperlihatkan peratus kadar upah yang dikeluarkan oleh setiap responden dalam setahun. Peratus kadar upah ini bergantung kepada keluasan kebun mereka dan juga pada kadar kerja diupah samada sepenuhnya atau sebahagian. Ini dibincangkan dalam bahagian rangkakerja bab 4.

Bayaran upah ini adalah untuk kerja-kerja seperti:-

a) mengait

b) mengupas

c) mencungkil dan menyalai

d) pengangkutan

e) memetik koko (melibatkan ½ orang responden sahaja).

Manakala lain-lain kos tahunan adalah untuk pembangunan dan penyelenggaraan seperti:-

a) meracun

b) membaja

c) menebas

d) mencuci parit

e) cukai tanah - $24.00 setahun.

Oleh kerana keperluan wang tunai yang cepat untuk persediaan menampung kos pengeluaran ini menggalakkan responden memaling ke arah kerja-kerja sampingan.

University of Malaya

Jadual 17

Peratus Kadar Upah

| Peratus upah (%) | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| *0% | 15 | 30 |
| 1 - 5 | 3 | 6 |
| 6 - 10 | 3 | 6 |
| 11 - 15 | 4 | 8 |
| 16 - 20 | 4 | 8 |
| 21 - 25 | 2 | 4 |
| 26 - 30 | 14 | 28 |
| 31 - 35 | - | - |
| 36 - 40 | 1 | 2 |
| 41 - 45 | - | - |
| 46 - 50 | - | - |
| 51 - 55 | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100% |

Sumber: Soal selidek

*Nota: 30% responden ini adalah mereka yang tidak tidak mengupah dan yang tidak terlibat dengan pekerjaan sampingan.

University of Malaya

Secara keseluruhannya bebanan tanggungan ini terpaksa dipikul oleh ketua keluarga. Faktur ini mengeratkan keazaman mereka untuk berusaha mengatasi masalah kekurangan pendapatan mereka. Dengan itu mereka melakukan kerja-kerja sampingan agar dapat memberi penambahan pada pendapatan mereka. Di samping itu ia dapat meningkatkan beban tanggungan yang dipikul.

Berhubung dengan soal pendapatan apabila dibandingkan dengan pola perbelanjaan dan penggunaan adalah tidak ketara jika dikatakan ianya tidak mencukupi. Perbelanjaan semakin meningkat dari masa ke masa akibat harga barangan yang melambung naik. Walaupun dalam keadaan inflasi di mana harga bertambah tetapi perbelanjaan terhadap barangan perlu tidak dapat dielakkan. Pekebun kecil kelapa ini tidak mempunyai sawah dan tidak ramai pula yang cuba menanam sayur-sayuran dan buah-buahan lain. Keadaan ini adalah akibat ketidak-sesuaian tanah wujud di kawasan tersebut.

Melihat kepada pola perbelanjaan responden dari sudut penggunaannya (lihat jadual 18) dapatlah dibuat satu gambaran anggaran perbelanjaan yang harus ditampung oleh responden. Berdasarkan kepada peratusan yang dibelanjakan terhadap penyediaan keperluan dapur menunjukkan keutamaan diberi terhadap barang-barang keperluan ini. Hampir 50% daripada perbelanjaan ataupun secara purata setiap responden memperuntukkan sebanyak $199.00 sebulan untuk makan minum seperti beras, gula, tepung dan lain-lain.

Selain dari keperluan dapur terdapat 35 orang responden perlu membekalkan wang untuk membiayai pelajaran anak-anak mereka. Adalah didapati bahawa anak-anak responden tidak menerima apa-apa

bentuk bantuan selain daripada buku-buku teks. Keperluan pelajaran ini adalah seperti wang saku yang perlu disediakan setiap hari dan lain-lain peralatan persekolahan. Keadaan ini juga telah mendorong beberapa orang isteri responden melakukan kerja-kerja sampingan. Ini telah diterangkan dalam bab 3. Secara purata setiap responden perlu menyediakan $23.70 sebulan bagi keperluan ini.

Responden juga turut membelanjakan purata $11.30 daripada pendapatan mereka untuk pakaian anggota keluarga. Walau bagaimanapun pakaian anak-anak semasa musim awal persekolahan adalah lebih di utamakan. Di samping itu responden terpaksa juga turut membelanjakan pendapatan mereka kepada lain-lain keperluan termasuklah pengangkutan, rokok, kesihatan dan utiliti. Purata pembelanjaan sebanyak $77.50 adalah bahagian yang dikhaskan oleh setiap responden.

Oleh kerana tanggungan responden agak besar maka pembelanjaannya juga adalah besar. Sebagai ketua keluarga responden perlu memenuhi keperluan ini. Dengan bekerja sampingan diharap dapat membantu responden menampung keperluan ini.

## 3.8 Beban Hutang

Akibat daripada pendapatan yang rendah jugalah maka pekebun terpaksa menghadapi bebanan hutang. Ini menjadi faktur penggalak untuk mereka melakukan kerja sampingan. Oleh itu di samping menambahkan pendapatan kerja ini dilakukan untuk mengatasi beban hutang.

Jadual 18

Anggaran Perbelanjaan Responden Sekeluarga Sebulan

| Kadar Perbelanjaan | Dapur Bil | Dapur % | Pakaian Bil | Pakaian % | Pelajaran Bil | Pelajaran % | Lain-lain Bil | Lain-lain % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kurang dari 50 | - | - | 49 | 98 | 29 | 83 | 22 | 44 |
| 51 - 100 | 4 | 8 | 1 | 2 | 6 | 17 | 13 | 26 |
| 101 - 150 | 15 | 30 | - | - | - | - | 7 | 14 |
| 151 - 200 | 15 | 30 | - | - | - | - | 4 | 8 |
| 201 - 250 | 7 | 14 | - | - | - | - | 2 | 4 |
| 251 - 300 | 6 | 12 | - | - | - | - | 1 | 2 |
| 301 - 350 | 1 | 2 | - | - | - | - | - | - |
| 351 - 400 | 2 | 4 | - | - | - | - | - | - |
| Lebih dari 400 | - | - | - | - | - | - | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 | 50 | 100 | *35 | 100 | 50 | 100 |
| Purata | 199 | | 11.30 | | 28.70 | | 77.50 | |

Sumber: Soal selidek

*Nota: 15 responden tidak mempunyai perbelanjaan ke atas pelajaran.

University of Malaya

Keadaan hutang yang mereka alami adalah:-

a) Hutang Kepada FAMA

Sebenarnya hutang penduduk dan beberapa orang responden terhadap FAMA telah berlaku 1 atau 2 tahun sebelum kajian dibuat. Ini ada menurut Pegawai FAMA Simpang Empat Rungkup sendiri bahawa hutang-hutang penduduk di sini masih belum diselesaikan. Bagi pihak responden ianya adalah kesalahan di pihak FAMA. Responden juga agak keberatan memberi butir-butir lanjut mengenai hutang mereka terhadap FAMA. Oleh itu di sini tidak dijelaskan jumlah hutang mereka.

Pada setahun yang lalu pihak FAMA telah menyediakan kemudahan wang pendahuluan kepada pekebun kecil sebagai pinjaman kepada pekebun yang memerlukan wang. Ini adalah dengan harapan hasil-hasil kelapa yang akan dikeluarkan pada musim akan datang dijual kepada FAMA sebagai pembayaran kepada hutang mereka. Tetapi pekebun tidak menepati janji dengan memberi hasil yang tidak setimpal dengan jumlah hutang yang perlu dibayar.

Namun keadaan ini bagi pihak responden adalah atas sebab-sebab hasil keluaran kelapa tidak tetap. Ada kalanya banyak dan ada masanya sedikit. Manakala FAMA pula mengenakan Gred yang rendah terhadap hasil mereka. Oleh itu bayaran yang didapati adalah rendah.

b) Hutang Kepada Peraih

Apabila pihak FAMA telah memberhentikan pemberian wang pendahuluan maka pekebun telah beralih kembali kepada peraih-peraih. Peraih-peraih pula bertambah peranan mereka untuk memberi wang pendahuluan kepada pekebun kecil.

Biasanya peraih-peraih ini juga memberi wang pendahuluan sebelum hasil-hasil diambil. Dan apa sahaja bentuk pinjaman yang diinginkan boleh didapati dari peraih ini. Peraih yang mempunyai kepentingan untuk mengauf keuntungan sentiasa menyediakan peluang-peluang ini kepada pekebun. Secara tidak langsung mereka dapat menentukan bahawa mereka akan terus mendapat bekalan kelapa dari pekebun-pekebun.

Maka di sinilah pekebun terjerat dengan peraih secara terus menerus dengan beberapa orang taukeh. Ada kalanya oleh kerana bebanan hutang yang terlalu banyak mereka tidak dibenarkan berhutang lagi.

Oleh kerana penanggungan beban hutang yang ketara kepada peraih menyebabkan hasil pendapatan mereka rendah. Harga yang biasa mereka dapati berbeza dengan harga yang diperolehi oleh seorang yang tidak berhutang. Perbezaan ini jelas sebanyak 2 - 4 sen dari harga sebenar kelapa atau kopra.

Kedua-dua faktur hutang ini serta hutang persendirian dengan pekedai runcit juga telah mendorong pekebun mencari sedikit tambahan menambah pendapatan serta menyelesaikan masalah hutang mereka ini dengan melakukan kerja-kerja

sampingan.

3.9 Rangka Kerja

Keadaan rangkaknya telah memberi ruang waktu bagi pekebun kecil atau responden mengerjakan kerja-kerja sampingan. Oleh kerana responden sebagai pemilik kebun jadi kerja-kerja dilakukan biasanya berdasarkan budibicara mereka sendiri. Dimana kerja-kerja dilakukan adalah diutamakan pada musim-musim pengeluaran sahaja. Antara seorang responden dengan yang lain terdapat perbezaan samada dari jumlah hari atau masa mereka ke kebun. Ini adalah berdasarkan kepada jumlah luas tanah yang mereka miliki (jadual 16, bab 3). Ia juga dipengaruhi oleh faktur upah samada pemilik itu mengupah sepenuhnya atau sebaliknya.

Jadual 19

Pengelolaan Kerja-kerja Di Kebun Responden

| Kerja | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Kerja sendiri sepenuh | 13 | 26 |
| Upah separuh | 26 | 52 |
| Upah sepenuhnya | 6 | 12 |
| Tiada tanah | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100% |

Sumber: Temubual

Daripada jadual 19, 52% responden mengupah separuh dari kerja-kerja. Manakala 12% mengupah sepenuhnya. Bermakna responden tidak langsung terlibat dengan kerja pengeluaran. Jadi ini mempengaruhi masa ia ke kebun. Masa diguna oleh 52% responden yang mengupah separuh kerja kebun sehari lebih sedikit daripada mereka yang kerja sendiri sepenuhnya.

Bagi setengah-setengah responden tidak mengambil berat soal masa ini kerana kerja-kerja pengeluaran adalah 2 bulan sekali bagi kelapa. Koko pula ia berbuah selama 5 atau 6 bulan. Pada masa ini pekebun biasanya mengutip buah-buah koko 3 hari sekali. Pada musim-musim melawas ia dikutip 2 kali atau 1 sekali seminggu sahaja. Lihat jadual 20 (kelapa).

Jadual 20

Musim-musim Pengeluaran Dari Jumlah Hasil Semusim (kelapa)

| Jangkamasa | Jumlah kelapa | Peratus |
|---|---|---|
| Mac - April | 6.60 | 15.6 |
| Mei - Jun | 7.60 | 18.0 |
| Julai - Ogos | 9.02 | 21.4 |
| Sept - Okt | 6.90 | 16.6 |
| Nov - Dis | 6.60 | 15.6 |
| Jan - Feb | 5.52 | 13.1 |
| Jumlah | 42.24 | 100.0% |

Sumber: Kementerian Pertanian

Nota: Jumlah hari yang bergantung pada hasil ini juga berdasarkan samada pekebun kecil menjual hasil dalam bentuk kopra atau jual bulat. Jika ia menjual dalam bentuk kopra ini memakan masa lebih lama. Jika jual bulat ia hanya perlu 1 atau 2 hari.

University of Malaya

Jadual 20 memperlihatkan hasil kelapa paling tinggi adalah pada bulan-bulan antara Julai hingga Ogos. Jadi pada masa ini kerja-kerja di kebun akan bertambah. Tetapi kebiasaan jangkamasa yang diguna untuk satu musim pengeluaran adalah kurang dari 10 hari bergantung pada hasil.

Kerja-kerja ini dapat dihabiskan mengikut waktu-waktu keperluan tenaga kerja. Misalnya kerja-kerja mengait dan mengupas biasa dapat diselesaikan dalam masa 2 atau 3 hari bergantung pada banyak hasil pada sesuatu musim itu. Kemudian diikuti oleh menjemur, mencungkil dan seterusnya. Tetapi kadangkala kerja-kerja ini ditangguh sehingga harga naik. Tetapi ini jarang berlaku oleh kerana keperluan wang tunai yang cepat.

Jadual 21: Jumlah Jam Bekerja Di Kebun Sendiri

| Jumlah Jam | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 1 - 2 | 17 | 34 |
| 3 - 4 | 22 | 44 |
| 5 - 6 | 6 | 12 |
| Tidak ke kebun | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100% |
| Purata | 5 jam sehari | |

Nota: Kerja-kerja ini hanya khusus pada musim-musim pengeluaran kelapa dan koko

University of Malaya

Jangkamasa purata 5 jam sehari yang dikerjakan ini adalah pada musim-musim pengeluaran (lihat jadual 21). Tetapi daripada pemerhatian dan temubual pengkaji mendapati kebanyakan responden memperuntukkan antara 1 - 2 jam sahaja untuk ke kebun pada hari-hari di luar musim pengeluaran.

Pada hari-hari ini kerja-kerja yang perlu dilakukan adalah seperti merumput, mempruming pokok koko, membaja, menebas, meracun dan membersihkan parit-parit.

Sekiranya pada musim terdapat buah koko kerja-kerja memetik dilakukan. Namun kerja-kerja seperti membaja, menebas dan meracun biasa dilakukan 3 kali dalam setahun. Mempruning adalah kerja-kerja yang dilakukan pada masa-masa selepas musim berbuah. Walau bagaimana pun dari temubual hanya 2 orang sahaja yang melakukannya mengikut saranan juruteknik pertanian di kawasan tersebut. Manakala yang lain hanya melakukan bila-bila mereka mempunyai masa untuk berbuat demikian. Jadi tidak ada masa-masa khusus ditetapkan.

Kalau dilihat pada rangka kerja yang telah diterangkan menunjukkan terdapatnya masa-masa yang terluang begitu sahaja jika tidak diisi dengan kerja-kerja lain. Oleh itu mereka yang mampu mengambil kesempatan ini untuk melakukan kerja-kerja sampingan agar dapat menambah pendapatan mereka.

## 3.10 <u>Kemudahan Dan Permintaan</u>

Kerja-kerja sampingan juga dilakukan dengan adanya kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang bagi menjalankan kerja tersebut.

Bagi kerja-kerja sampingan seperti mengambil upah mengait dan mengopek mereka yang mengerjakannya tidak perlu banyak kemudahan. Mereka hanya memerlukan peluang-peluang dan masa untuk menjalankan aktiviti ini. Peralatan untuk menjalankan kerja ini juga hanyalah pengait iaitu berupa sebatang buluh panjang dan sebatang cop bagi kerja-kerja mengopek. Oleh kerana kerja-kerja di kebun memerlukan tenaga yang banyak terutama pada musim-musim pengeluaran maka permintaan terhadap buruh-buruh upahan adalah tinggi.

Dengan adanya kemahiran seperti mengupas kelapa memberi peluang untuk mereka mengerjakan kerja-kerja tersebut dengan pantas kerana kerja ini memerlukan keberanian dan tenaga fisikal yang tinggi. Ia sama sekali tidak sesuai dilakukan oleh kaum wanita. Dengan menggunakan cop pekebun yang berpengalaman dan mahir kepantasan mereka mengupas adalah 200 biji sejam. Kerja-kerja mengait lebih mudah dilakukan jika ia biasa dilakukan.

Keadaan permintaan terhadap buruh-buruh untuk mengerjakan kerja-kerja ini pada musim-musim pengeluaran membuka peluang pada pekebun yang berkemahiran dan berminat dan mempunyai masa terluang mengerjakan kerja-kerja ini. Pada masa ini pekebun bersama rakan dalam dalam kumpulan yang terdiri antara 3 atau 4 orang akan cuba mendapatkan langganan sebanyak mungkin mengikut keupayaan mereka.

Kerja-kerja seperti perniagaan kecil-kecilan mereka memulakannya dengan modal sendiri. Peluang untuk menceburi bidang ini terbuka kerana tidak ramai peniaga di kampung ini. Oleh itu mereka tidak kekurangan pelanggan-pelanggan tetap. Kedai mereka biasa diletakkan di suatu sudut rumah mereka. Mereka tidak memerlukan

tapak yang lain bagi mendirikan kedai mereka.

Aktiviti nelayan pula adalah mengikut musim-musim tertentu. Di mana apabila terdapat taukeh-taukeh bangsa Cina yang memiliki bot ingin ke laut pekebun kecil akan pergi bersama mereka sebagai pekerja upahan. Mereka bekerja harian oleh itu mereka tidak memerlukan kemudahan seperti bot dan lain-lain peralatan. Gaji mereka di bayar hari dan bergantung pada hasil tangkapan pada hari tersebut. Pekebun ini biasa mengikut bot-bot ini selama 2 atau 3 bulan dalam setahun.

Selain daripada kemudahan ini faktur keinginan keselesaan hidup dan ingin menampung keperluan anak-anak ke sekolah mendorong mereka untuk melakukan kerja-kerja sampingan. Ini timbul dari kesedaran bahawa mereka tidak dapat bergantung kepada kelapa semata-mata yang sentiasa mengalami turun naik harga.

Sebagai manusia mereka tidak terlepas dari keinginan kepada kemudahan-kemudahan moden yang wujud masa ini. Untuk itu secara tidak langsung bolehlah dikatakan mereka telah mula menampakkan ciri-ciri inginkan kehidupan material. Ini kerana mutu hidup mereka sentiasa diukur dari segi kemampuan mereka memperolehi benda-benda ini.

University of Malaya

# BAB 4

# KESAN DARIPADA KERJA-KERJA SAMPINGAN

Di dalam bab ini pengkaji cuba meninjau kesan-kesan yang wujud dari penglibatan responden dengan kerja-kerja sampingan. Kesan ini dilihat pada 3 aspek iaitu kesan ke atas kerja-kerja pengurusan kebun, kesan kesan ke atas gaya hidup pekebun dan kesannya ke atas aktiviti sosial.

## 4.1 Kesan Kerja-kerja Sampingan Ke Atas Kerja-kerja Di Kebun

Kesan kerja-kerja sampingan ke atas kerja-kerja di kebun dilihat dari 2 aspek:

a) Kesan ke atas penjagaan dan pengeluaran kelapa.

b) Kesan ke atas tanaman koko.

### 4.1a Kesan Ke Atas Penjagaan Dan Pengeluaran Kelapa

Adalah dianggap bahawa sekiranya pekebun melibatkan diri dengan kerja sampingan maka mereka terpaksa mengabaikan kebun mereka. Tetapi ini adalah tidak benar berdasarkan kerja-kerja yang perlu mereka lakukan di kebun dan masa yang diperuntukkan. Sebenarnya kerja-kerja di kebun kelapa dan koko adalah tertumpu pada penjagaan dan pengeluaran. Ini berbeza dengan getah ia perlu ditoreh setiap hari untuk mendapatkan hasilnya.

Bagi tanaman kelapa kerja-kerja lebih tertumpu pada musim pengeluaran. Ini dilakukan 2 bulan sekali (rujuk jadual 20 bab 3). Pada masa ini keperluan tenaga adalah tinggi berbanding dengan masa-

masa di luar musim. Berdasarkan kepada rangka kerja untuk keperluan tanaman (telah dibincangkan dalam bab 3) terdapat ruang-ruang waktu yang membolehkan pekebun melakukan kerja-kerja sampingan. Bermakna penglibatan pekebun dengan kerja sampingan tidak membataskan ruang waktu untuk mereka melakukan kerja-kerja di kebun.

Daripada jadual 22 dapat dilihat keperluan tenaga kerja mengikut hari pada thun-tahun tertentu kelapa. Terdapat 4 bentuk penjagaan yang perlu untuk tanaman ini iaitu merumput, membaja, menyembur dan mencuci parit.

Pada tahun pertama penanaman pokok kelapa memerlukan 18 tenaga hari untuk melakukan kerja-kerja ini. Keadaan ini berubah kepada 20 tenaga hari apabila umur pokok 2 - 8 tahun. Selepas dari umur 8 tahun tenaga hari dikehendaki adalah 10 tenaga hari dan di selangi pula dengan 18 tenaga hari pada tahun selepasnya. Ini boleh dirujuk kepada jadual 22 di mana keadaan ini berterusan sehingga umur kelapa 25 tahun. Dari sini dapat disimpulkan bahawa penggunaan tenaga kerja tidak berubah pada tahun seterusnya.

Walau bagaimanapun daripada jumlah tenaga hari yang diperlukan pada setiap tahun hanyalah 18 atau 10 tenaga hari sahaja. Ini bermakna untuk kerja-kerja penjagaan pekebun hanya memerlukan 144 jam atau 80 jam setahun sahaja. Di mana kerja-kerja membaja, meracun dilakukan 2 kali setahun.

Jadual 22

Keperluan Tenaga Keluarga Bagi Kelapa (Tenaga Hari)

| Operasi | Jumlah | Tahun | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Tahun Pertama | 2-8 | 9, 11, 13, 15, 17, 19, 21, 23, 25 | 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24 |
| Merumput | 196 | 4 | 8 | 8 | 8 |
| Membaja | 50 | 2 | 2 | 2 | 2 |
| Menyembur | 18 | 4 | 2 | - | - |
| Mencuci parit | 128 | 8 | 8 | - | 8 |
| Jumlah | 392 | 18 | 20 | 10 | 18 |

Sumber: Kementerian Pertanian Malaysia

Nota: 1 tenaga-hari sama dengan 8 jam bekerja sehari.

University of Malaya

Apabila dibandingkan dengan masa yang diperuntukkan oleh responden untuk ke kebun sehari, didapati bahawa dalam sehari mereka menghabiskan masa purata 2 jam (rujuk jadual 23). Pada musim pengeluaran responden menggunakan purata 5 jam sehari untuk kerja-kerja di kebun.

Jadi adalah jelas bahawa penglibatan pekebun dengan kerja sampingan tidak membataskan kerja-kerja mereka di kebun. Dan dengan adanya ruang waktu sedemikian menyedarkan mereka perlunya masalah itu diatasi. Dengan melakukan kerja sampingan ruang-ruang waktu itu dapat dipenuhi.

Jadual 23: Peruntukan Masa Bekerja (Sehari)

| Jumlah jam | Kebun kelapa | | Kerja sampingan | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | Puratus | Bilangan | Peratus |
| 1 - 2 | 17 | 38 | 2 | 10 |
| 3 - 4 | 22 | 49 | 28 | 36 |
| 5 - 6 | 6 | 13 | 7 | 49 |
| 7 - 8 | - | - | 2 | 5 |
| | 45 | 100% | 39 | 100% |
| Purata | 2 jam sehari | | 4.8 jam sehari | |

Keadaan ini menunjukkan satu perkembangan yang sihat. Walaupun bergiat dengan kerja sampingan mereka tidak meninggalkan kebun kelapa begitu sahaja. Wujudnya pengabaian kebun seperti kebun tidak diracun, dibaja atau parit tidak dicuci adalah disebabkan oleh faktur-faktur lain seperti ketiadaan modal dan tenaga keluarga yang cukup.

Melihat kepada kerja-kerja pengeluaran pula kebanyakan kerja perlu dilakukan dengan tangan. Memandangkan keadaan ini maka kebanyakan kerja-kerja ini perlu diupah dan dikerjakan bersama oleh pekebun. Perkara ini telah dibincangkan dalam bab 3. Jadual 19 menggambarkan pengelolaan kerja-kerja oleh pekebun. Kerja-kerja ini pula hanya memakan masa antara 1 - 10 hari sahaja dari awal pengeluaran hingga dipasarkan.

Penglibatan pekebun dengan kerja sampingan telah menambah kerja yang perlu mereka lakukan. Kini ruang-ruang waktu itu dapat dipenuhi. Jadual 25 menunjukkan purata jam yang digunakan setiap hari bagi kerja sampingan adalah 4.8 jam. Seterusnya jadual 24 pula menunjukkan dalam jangkamasa seminggu 56% responden telah menggunakan lebih dari 30 jam untuk melakukan kerja-kerja mereka. Ini berbanding dengan purata 14 jam seminggu untuk kerja-kerja di kebun kelapa sahaja.

Khoo dan Palan dalam Chamsuri Siwar menegaskan bahawa 35 jam bekerja seminggu menggambarkan satu keadaan guna tenaga penuh (1978, hlm. 4). Jelaslah bahawa pengamalan kerja sampingan secara langsung telah membawa kepada guna tenaga bagi sebahagian responden.

Jadual 24

Jam Bekerja Seminggu (Semua Kerja)

| Jumlah jam | Bilangan Responden | Seminggu (%) |
|---|---|---|
| 20 - 25 jam | 5 | 10 |
| 26 - 30 | 12 | 24 |
| 31 - 35 | 8 | 16 |
| 36 - 40 | - | - |
| 41 - 45 | 13 | 26 |
| 46 - 50 | 5 | 10 |
| Lebih dari 50 jam | 2 | 4 |
| Tidak terlibat | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100% |

4.1b <u>Kesan Ke Atas Tanaman Koko</u>

Koko telah ditanam sejak 10 tahun lalu melalui syor dari Jabatan Pertanian dan atas kesedaran pekebun setelah melihat pencapaian rakan-rakan mereka. Kejatuhan harga kelapa juga merupakan salah satu faktur pendorong kepada keyakinan masa depan sebagai pekebun kecil bergantung kepada tanaman campuran. Namun mereka menganggap ianya membawa keuntungan pada jangka panjang.

Kepercayaan ini menyebabkan mereka kurang memberi perhatian sepenuhnya terhadap tanaman ini. Tambahan pula dengan keterlibatan mereka dengan kerja-kerja sampingan, perhatian yang sepatutnya tidak diberikan kepada tanaman ini seperti yang disarankan oleh Jabatan Pertanian.

Jadual 25

Jenis Pengurusan Kebun Kelapa/Koko Dari Segi Penglibatan Responden

| Operasi | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Merumput | 30 | 60 |
| Membaja | 23 | 46 |
| Menyembur | 26 | 52 |
| Mencuci parit | 34 | 68 |
| Pruning | 3 | 6 |
| Jumlah | 116 | 232% |

Melihat pada penglibatan responden dengan pengurusan kebun kelapa dan koko (jadual 25) seramai 60% responden melakukan kerja merumput, 46% membaja tanaman, 52% turut menyembur tetapi hanya 3 orang sahaja yang mempruning pokok koko.

Kerja-kerja menyembur pula kebiasaannya diupah oleh responden. Ini adalah kerana mereka tidak mempunyai alat penyembur. Membaja dilakukan oleh sebahagian responden kerana tidak mampu membeli baja. Bantuan hanya didapati untuk 3 tahun pertama sahaja. Ini tidak diteruskan. Begitu juga kerja mempruning adalah perlu bagi pertumbuhan pokok koko. Tetapi ini tidak diamalkan. Pengabaian ini diakibatkan oleh sifat lebih mementingkan kerja sampingan dari penjagaan tanaman. Menurut responden walaupun tidak dipruning pokok ini masih mengeluarkan hasil.

Walau bagaimanapun mereka tidak sedar bahawa mutu koko serta hasil yang diperolehi rendah adalah kesan dari kurangnya perhatian. Ramadasan Krishnan menegaskan dalam kajiannya:

> "Data from pruning trial on a smallholding in Sabak Bernam demonstrate that without pruning low yields result. The pruning treatments modified the normal cropping pattern of two peak and resulted in higher yields" (1979: 43)

Mereka hanya memberi perhatian kepada pokok koko pada musim pengeluaran seperti kerja-kerja memetik koko. Kerja-kerja memetik paling sibuk pada musim buah lebat iaitu antara bulan Nobember hingga Februari.

Rajah 1: Musim Pengeluaran Koko




Harga ditawar kepada pekebun oleh FAMA - 1984 - 1985
berbeza antara $4.00 - $4.80 sekilo.
Koko basah antara $1.00 - $2.00 sekilo.

Sumber: Responden

Merujuk kepada lampiran 6 memperlihatkan keperluan tenaga buruh yang diperlukan bagi kedua-dua koko dan kelapa. Jumlah penggunaan tenaga hari meningkat dari tahun ke tahun. Tetapi dari tahun ke 6 keperluan tenaga hari adalah pada paras yang sama iaitu 104.9 tenaga hari setiap tahun. Tetapi bagi pekebun keperluan ini tidak dapat dipenuhi oleh mereka kerana penglibatan mereka dengan kerja-kerja sampingan. Ini boleh dirujuk kembali pada jadual 25. Penglibatan responden dengan kerja-kerja pengurusan masih terhad.

University of Malaya

Meskipun kerja pengurusan kebun ini tidak dilakukan sepenuhnya tetapi penglibatan dengan kerja sampingan bukanlah faktur penyebab yang mutlah. Ini berlaku atas gabungan berbagai faktur lain. Misalnya desakan wang tunai, modal, kurang pengetahuan dan sebagainya.

4.2 Kesan Kerja Sampingan Terhadap Masa Bekerja

Mengikut perbincangan sebelumnya telah dinyatakan bahawa pada musim-musim pengeluaran penggunaan tenaga adalah tinggi. Secara langsung ia juga menunjukkan responden perlu menggunakan masa yang lebih panjang untuk menyelesaikan kerja-kerja ini. Mereka telah menggunakan purata 5 jam sehari pada waktu-waktu begini. Kerja-kerja yang perlu dilakukan adalah mengait, mengupas, menjemur atau salai, mencungkil, mengangkut dan memasarkan hasil. Tetapi bagi pekebun yang menjual kelapa bulat ianya hanya melibatkan kerja-kerja mengait, mengupas dan mengangkut sahaja. Hasil-hasil ini kemudian akan diambil oleh pembeli sendiri.

Adalah menjadi kelaziman di mana kerja-kerja pengeluaran dilakukan bersama oleh pekebun dan buruh-buruh upahan. Kerja-kerja ini akan dibereskan oleh buruh-buruh tersebut. Maka tiadalah halangan jika pekebun melakukan kerja-kerja sampingan. Namun demikian kebiasaannya pekebun tidak pergi mengambil upah pada masa-masa ini. Operasi mereka diteruskan setelah kerja-kerja mereka selesai. Lama kerja-kerja ini dilakukan berdasarkan kepada hasil yang diperolehi, luas kebun mereka dan bentuk hasil yang dipasarkan (kopra atau kelapa bulat). Ini biasanya memakan masa 2, 3 dan sehingga 8 atau 10 hari.

Menerusi pembahagian masa di musim pengeluaran kedua-dua kerja dapat dilakukan mengikut masa-masa tertentu tanpa menjejas keperluan antara keduanya.

Bagi kerja-kerja mengutip koko pula ianya lebih mudah dan tidak perlu diupah melainkan jika kebun mereka luas. Kerja-kerja memetik seringkali dibantu oleh isteri atau sebilangan responden oleh anak-anak semasa cuti sekolah atau pada masa-masa sebelum atau selepas ke sekolah. Jadi ia tidak membebankan kepada responden sahaja. Peruntukan masa untuk kerja-kerja ini juga tidak terjejas.

Secara tidak langsung bahagian permulaan bab ini telah menjelaskan mengenai penggunaan masa bagi penjagaan kebun. Masa yang dihabiskan dengan purata 2 jam sehari adalah memadai untuk kerja-kerja menyembur, membaja, mencuci parit dan sebagainya. Kerja-kerja ini juga tidak perlu dilakukan setiap hari. Ianya dilakukan pada waktu-waktu tertentu sahaja. Pada hari-hari kerja ini tidak dilakukan pekebun ke kebun untuk membersihkan pelepah-pelepah yang jatuh ke atas pohon-pohon koko atau mengutip buah-buah kelapa yang gugur.

Walaupun begitu perhatian terhadap kebersihan kebun dan kerja mempruning amat kurang. Kerja-kerja membersih ini perlu masa yang panjang dan menghendaki tenaga pembantu. Sebaliknya ia tidak dapat dipenuhi oleh pekebun. Bagi pekebun pula mengambil upah dapat mendatangkan hasil daripada melakukan kerja pembersihan yang perlukan masa yang panjang tanpa ada hasil. Ketiadaan tenaga keluarga untuk membantu khususnya anak-anak juga merupakan salah satu daripada faktur yang menyebabkan kebun terbiar.

Kerja mempruning juga amat terbatas. Ini diakibatkan oleh faktur masa dan kepentingan wang tunai. Dan ada pula anggapan pokok-pokok tidak boleh disakiti dan ada yang beranggapan ia tidak perlu. Oleh itu bukanlah disebabkan kerja sampingan seratus peratus maka pembahagian masa mereka tidak tersusun,tetapi keadaan ini masih dipengaruhi oleh keadaan-keadaan lain.

4.3 Kesan Ke Atas Hasil Pengeluaran

Penglibatan pekebun dengan kerja-kerja sampingan tidaklah meninggalkan kesan langsung bahawa ianya menjejaskan hasil pengeluaran seseorang pekebun kecil. Ini dilihat dari rangka kerja dan penggunaan masa oleh pekebun dalam membuat kerja-kerja ini. Ini telah dibincangkan dalam bab 3 dan 4.

Yang berkait dengan keadaan ini adalah dari segi keperluan dan corak penghasilan kelapa dan koko sendiri. Kedua-dua jenis tanaman ini adalah tanaman yang menghasilkan buahnya mengikut musim-musim tertentu. Bagi kelapa ia dikeluarkan 2 bulan sekali walaupun ia berbuah sepanjang masa (lihat jadual 20 bab 3). Meskipun adalah lebih baik jika dikeluarkan setiap bulan namun pekebun tidak melakukannya atas beberapa sebab:

a) buah yang dipungut tidak banyak yang telah masak

b) kos pengeluaran yang perlu ditampung berbanding dengan 2 bulan sekali.

Di samping itu juga keadaan musim ini turut mempengaruhi hasil kerana ada bulan-bulan tertentu hasilnya tinggi dan pada bulan-bulan seperti Januari ke Mac adalah musim melawas di mana hasil terlalu kurang. Begitu juga bagi koko ada musim hasil tinggi dan

melawas. Tetapi koko dipetik 3 kali dalam seminggu. Biasanya ia berbuah selama 4 atau 5 bulan. Buah-buah koko perlu dipetik pada waktu-waktu ditetapkan agar tidak dimusnahkan oleh musuh-musuh seperti tikus, tupai, burung dan lain-lain. Jika ia dibiarkan maka hasil pengeluaran akan terjejas.

Terdapat juga kes di mana kelapa dipetik 4 bulan sekali. Ini bermakna hasil hanyalah 3 kali dalam setahun. Ini mengakibatkan perolehan pendapatannya sedikit kerana buah-buah kelapanya telah tua dan ada yang bercambak. Kelapa seperti ini menghasilkan mutu kopra yang rendah. Keadaan ini dikatakan berpunca daripada kekurangan tenaga kerja dan ada pula menyatakan faktur kekurangan masa untuk menguruskan kerja-kerja ini.

Di sini kerja sampingan memainkan peranan kerana ada setengah responden merasakan adalah lebih baik menjalankan aktiviti sampingan dan mengeluarkan hasil kelapa apabila harganya merosot. Di sini menunjukkan bahawa pekebun lebih mementingkan aktiviti yang boleh menjamin keperluan kewangan mereka. Tetapi terdapat faktur sampingan seperti kos pengeluaran, tenaga dan harga berperanan di sini untuk mempengaruhi hasil pengeluaran.

Meskipun begitu pengabaian pekebun terhadap tanaman mereka secara tidak langsung boleh menjejaskan hasil pengeluaran. Ini telah dibincangkan dalam bab 4. Misalnya kerja mempruning pokok koko untuk menjamin pertumbuhan pokok dan mutu koko. Kebiasaannya biji-biji koko yang diperolehi adalah kurang dari 1 gram berbanding dengan pokok yang dijaga rapi.

Walau bagaimanapun seperti yang telah ditegaskan modal dan tenaga keluarga juga merupakan faktur mengapa kebun tidak dibaja dan sebagainya. Oleh itu jelaslah bahawa penglibatan mereka dengan kerja sampingan tidaklah menjadi faktur utama terjejasnya hasil pengeluaran. Kesannya pada pengurusan yang ketara.

4.4 Kesan Kerja Sampingan Terhadap Pendapatan

Sumber pendapatan responden boleh dibahagikan mengikut 3 sumber pendapatan iaitu:

a) pendapatan dari kelapa

b) pendapatan dari kerja sampingan

c) pendapatan dari koko.

4.4a Pendapatan Dari Kelapa

Walau bagaimanapun kelapa adalah sumber utama pendapatan responden tetapi ia amat dipengaruhi oleh keadaan harga pasaran. Oleh itu pendapatan yang diterima oleh responden adalah tidak tetap kerana apabila harga komoditi ini tinggi maka pendapatan diperolehi tinggi jika harganya rendah maka pendapatan mereka turut mengalami penurunan.

Pada musim harga jatuh maka pengeluaran dibuat hanya merugikan pekebun kerana kos dikeluarkan adalah tinggi. Ini menjadi faktur pekebun terjerat dengan hutang kepada peraih. Perkara ini telah dibincangkan dalam bab 3.

University of Malaya

Selain dari ini pendapatan antara responden berbeza-beza mengikut keluasan tanah yang dimiliki seperti yang telah dinyatakan oleh J.W. Mellon :

> "Tanah merupakan faktur penting kepada penduduk luar bandar dalam usaha-usaha pertanian mereka. Keluasan tanah yang dimiliki oleh seseorang petani akan menentukan pendapatan mereka" (1909: hal. 365)

Oleh itu pendapatan yang diperolehi oleh responden yang memiliki kebun yang lebih luas akan mengeluarkan hasil lebih tinggi. Namun bagi pekebun kecil keadaan ini memang benar jika harga komoditi ini tinggi tetapi jika komoditi ini rendah maka pekebun akan mengalami kerugian kerana tidak mampu membayar kos yang tinggi sedangkan pulangannya adalah sedikit.

4.4b Pendapatan Dari Kerja Sampingan

Oleh kerana kerja sampingan yang dominan di sini adalah mengambil upah maka perbincangan akan lebih memberi tumpuan pada faktur ini.

Pendapatan sampingan yang diperolehi dari kerja sampingan adalah bergantung kepada faktur harga komoditi. Apabila harga kelapa naik maka pekebun berlumba-lumba untuk mengeluarkan hasil kelapa mereka secepat dan sebanyak mungkin. Dengan ini permintaan terhadap buruh upahan akan meningkat.

Buruh-buruh upahan akan cuba menaikkan kadar upah. Namun kadar upah ini biasanya ditetapkan pada harga yang sama buat beberapa tahun. Rujuk lampiran 3. Kebiasaannya responden akan cuba mengambil upah dari beberapa orang pekebun dengan membuat perjanjian pada waktu dan hari untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.

Oleh kerana kerja-kerja di kebun kelapa perlu diupahkan pekebun yang mengambil upah tidak akan kehilangan terus punca sampingannya apabila keadaan kemelesetan harga terjadi.

Secara tegas boleh dikatakan bahawa dengan melakukan kerja sampingan ini telah memberi mereka peluang menambahkan pendapatan asal mereka. Keadaan ini telah memberi perubahan terhadap pendapatan. Ini akan mempengaruhi corak kehidupan mereka.

Dari jadual 26 dapat dilihat rata-rata pendapatan sampingan diperolehi bukanlah suatu jumlah yang lumayan. Seramai 78% responden memperolehi pendapatan sampingan antara \$100 - \$300. Walaupun jumlah ini tidak lumayan tetapi penambahan yang diperolehi oleh responden darinya adalah hampir 100%. Ini dapat dilihat kepada jumlah pendapatan diperolehi dari kelapa iaitu seramai 60% responden mempunyai pendapatan kelapa berjumlah antara \$100 - \$300 sebulan.

Jadual 26: Pendapatan Dari 3 Punca Ekonomi

| Jumlah Pendapatan (\$) | Kelapa | | Kerja Sampingan | | Koko | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bilangan | % | Bilangan | % | Bilangan | % |
| Kurang dari \$100 | 8 | 16 | 15 | 30 | 17 | 34 |
| 101 - 200 | 12 | 24 | 18 | 36 | 18 | 36 |
| 201 - 300 | 18 | 36 | 6 | 12 | - | - |
| 301 - 400 | 1 | 2 | - | - | - | - |
| 401 - 500 | 3 | 6 | - | - | - | - |
| - 700 | 1 | 2 | - | - | - | - |
| Tidak terlibat | 7 | 14 | 11 | 22 | 15 | 30 |
| Jumlah | 50 | 100 | 50 | 100 | 50 | 100 |
| Hitung panjang pendapatan | \$150 | | \$150 | | \$80 | |

University of Malaya

Daripada jadual 26 ini juga didapati bahawa 70% responden memperolehi pendapatan tambahan dari koko yang ditanami. Walau bagaimanapun pendapatan yang diperolehi maximumnya adalah antara $100 - $200 sebulan sahaja. Ini adalah hasil dari penglibatan yang belum meluas dan mutu penjagaan dan pengantungan yang masih kurang terhadap komoditi ini. Seramai 34% dari responden hanya memperolehi pendapatannya kurang dari $100. Oleh itu usaha-usaha mempertingkatkan penglibatan pekebun masih kurang menggalakkan khususnya di kawasan kajian.

Jadual 27

Jumlah Keseluruhan Pendapatan

| Jumlah pendapatan (3 sumber) | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 100 - 150 | 1 | 2 |
| 151 - 200 | 4 | 8 |
| 201 - 250 | 7 | 14 |
| 251 - 300 | 10 | 20 |
| 301 - 350 | 7 | 14 |
| 351 - 400 | 11 | 22 |
| 401 - 450 | 3 | 6 |
| 451 - 500 | 4 | 8 |
| 501 - 550 | - | - |
| 551 - 600 | 2 | 4 |
| Lebih dari 600 | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 |

University of Malaya

Keadaan yang digambarkan oleh jadual 27 walaupun terdapatnya 2 sumber pendapatan yang lain namun pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil ini boleh dianggap masih rendah. Daripada jadual responden yang mempunyai pendapatan kurang dari $450.00 iaitu garis kemiskinan adalah 80%. Seramai 20% mempunyai pendapatan hanya $100 - $200 sahaja. Ini menunjukkan bahawa taraf kehidupan mereka masih tidak jauh berbeza.

Keadaan ini berlaku kerana faktur pengantungan mereka kepada harga komoditi yang mana melibatkan kelapa dan juga koko seterusnya kerja sampingan itu sendiri. Ini ditambah oleh peranan orang tengah yang masih berleluasa yang mempengaruhi harga. Akibat hutang mereka dengan peraih telah mempengaruhi hasil yang mereka dapat. Ini telah dilihat oleh Ezanee Mansur dalam kajiannya di Mukim yang sama:

> "There was a price differenciation of 2 to 4 cents between debted and non debted farmers selling their produce." (1982;     )

Seterusnya beliau menyaksi bahawa pekebun kecil ini terikat dengan peraih-peraih:

> "It's a tradition contracting debt with coconut purchasers." (1982;     )

Walaupun pendapatan diperolehi tidak lumayan tetapi kerja sampingan yang dilakukan ini telah membantu pekebun menambah pendapatan mereka.

4.5 <u>Kesan Kerja Sampingan Terhadap Simpanan Dan Tabungan</u>

Perolehan pendapatan daripada kerja-kerja sampingan memberi kesan terhadap simpanan dan tabungan. Namun kesannya tidaklah begitu menggalakkan. Telah didapati hanya 27 orang responden sahaja yang benar-benar menunjukkan minat menabung. Walau bagaimanapun ada 12

orang pekebun yang tiada membuat simpanan tetapi membuat tabungan berbentuk saham iaitu dalam Amanah Saham Nasional (ASN). Tetapi mereka tidak membuat apa-apa tambahan selain dari pelaburan pokok sebanyak $10.00.

Menurut kebanyakan daripada responden yang ditemubual mereka tidak menyimpan kerana pendapatan yang mereka perolehi hanya cukup untuk keperluan harian dan dihabiskan untuk perbelanjaan pelajaran anak-anak. Tegasnya di sini bukanlah mereka enggan menyimpan tetapi keadaan tekanan hidup yang tidak mengizinkan. Ini kerana terlalu kurangnya surplus untuk membuat simpanan.

Jadual 28

Jumlah Simpanan Responden

| Jumlah Tersimpan ($) | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| *500 ke bawah | 19 | 38 |
| 501 - 1000 | 9 | 18 |
| 1001 - 1500 | 3 | 6 |
| 1501 - 2000 | 6 | 12 |
| 2001 ke atas | 1 | 2 |
| Tidak menyimpan | 11 | 22 |
| Jumlah | 50 | 100% |

*Nota: Termasuk responden yang hanya melabur $10.00 bagi pelaburan pokok sahaja.

Kedudukan dalam jadual 28 menunjukkan terdapat hanya seorang sahaja responden mempunyai simpanan lebih dari $2,000.00. Manakala 38% daripada mereka hanya mempunyai simpanan kurang dari $500.00. Ini kerana kebanyakan mereka baru sahaja menyimpan dan ada yang pula yang telah mengeluarkannya sewaktu menyelenggarakan perbelanjaan sekolah anak-anak mereka.

Tegasnya di sini mereka masih memperolehi lebihan kepada pendapatan mereka apabila mereka melakukan kerja sampingan. Walaupun biasanya wang yang disimpan adalah dari hasil kelapa tetapi pendapatan kerja sampingan dapat menampung keperluan harian mereka. Pendapatan dari kelapa pula dibelanjakan untuk kepentingan lain dan juga menabung.

Dari tinjauan pengkaji juga mendapati bahawa 16% daripada responden lebih cenderung menyimpan dalam tabung haji. Ini kerana sebagai seorang Islam mereka mempunyai matlamat untuk menunaikan Rukun Islam yang ke 5.

## 4.6 Kesan Kerja Sampingan Ke Atas Hak Milik Harta

Beralih kepada kesan kerja sampingan terhadap pemilikan harta tempatan bahawa ianya tidak jauh berbeda. Misalnya tanah yang dimiliki kebanyakannya adalah warisan dari keluarga. Oleh kerana keadaan pendapatan yang tidak banyak berubah akibat kos hidup yang semakin meningkat berbanding dengan penambahan perolehan mereka. Maka tidak ada usaha untuk menambahkan jumlah tanah yang sedia ada.

Walau bagaimanapun yang ketara adalah pembaikan demi pembaikan dibuat ke atas rumah-rumah mereka. Adanya sedikit tambahan memberi mereka peluang untuk berbuat demikian. Tetapi pembaikan dibuat pada satu-satu bahagian rumah sahaja dalam setahun. Kemudian

University of Malaya

beberapa tahun seterusnya barulah diperbaiki yang lain. Menurut seorang responden untuk membaiki keseluruhan rumah adalah di luar kemampuan mereka. Ada di kalangan mereka yang membaikinya sendiri kerana tidak ada modal untuk mengupah.

Jadual 29

Alat Rumah Yang Dimiliki

| Kemudahan | Bilangan Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Televisyen | 43 | 27 |
| Kipas | 19 | 12 |
| Kusyen set | 13 | 8 |
| Peti ais | 7 | 4 |
| Motosikal | 40 | 25 |
| Mesin jahit | 35 | 22 |
| Jumlah | 157 | 100% |

Dari segi peralatan rumah responden dan keluarga mempunyai kecenderungan untuk memiliki alat-alat ini. Ini terutama alat-alat letrik seperti televisyen, kipas iaitu 43 orang responden memilikinya dan 19 orang memiliki kipas. Ini kerana kemudahan letrik baru sahaja dibekalkan di kawasan ini setahun yang lalu. Mereka membeli alat ini secara ansur atau pun tunai mengikut kemampuan masing-masing.

Motosikal pula adalah kemudahan perlu untuk pengangkutan jadi tidak hairanlah jika 40 atau 80% dari mereka memilikinya. Segala kemudahan yang mereka miliki ini sebenarnya bergantung samada atas keinginan, keperluan dan kemampuan responden untuk memilikinya.

Sedikit sebanyak dengan adanya penambahan pada pendapatan mereka boleh menikmati alat-alat moden ini walaupun ia dibayar secara ansur ataupun tunai. Secara tidak langsung ia telah mengubah corak kehidupan pekebun kecil setingkat dari apa yang mereka alami sebelumnya. Ini diukur dari segi pemilikan peralatan moden dengan perkembangan tekonolgi kini yang telah menyerap ke kawasan luar bandar.

## 4.7 Kesan Ke Atas Penglibatan Responden Dengan Aktiviti Sosial

Penglibatan responden dengan aktiviti sosial adalah amat terhad. Ini berdasarkan temubual dengan responden dan ketua-ketua perkumpulan tertentu. Mengikut mereka dalam soal persatuan, belia, kemas, RELA dan sebagainya penglibatan mereka amat kurang. Begitu juga dalam soal-soal agama. Ini kerana apabila diadakan kegiatan di surau seperti pengajaran agama dan lain-lain. Mereka yang hadir tidak menggalakkan. Kadang-kala tidak sampai 10 orang. Ini di saksikan oleh pengkaji sendiri.

Oleh itu keadaan ini membataskan pergaulan mereka sesama sendiri terutama antara golongan tua dan muda. Tidak hairanlah antara kedua golongan ini terdapat jurang pemisah. Selain itu penglibatan responden dengan usaha-usaha mempertingkatkan pengetahuan tentang pertanian juga terbatas. Menurut Encik Yeop, Pegawai Pertanian di kawasan ini kehadiran pekebun untuk latihan-latihan seperti sistem 2L biasa kurang mendapat sambutan. Ini adalah kerana adanya sikap memandangkan perkara-perkara ini tidak perlu. Tanpa latihan pokok-pokok mereka masih mendatangkan hasil. Keadaan ini balik kepada faktur masa kerana pada responden sekiranya mereka menghabiskan masa satu jam di ladang atau melakukan kerja sampingan

adalah lebih berfaedah daripada menghadiri latihan yang dirasakan sukar dipraktikkan lantaran itu juga tidak menjamin perubahan pada pendapatan hasil mereka.

Perkara ini menyebabkan persatuan-persatuan seperti belia, RELA, kemas dan lain-lain tidak dapat bergerak akibat keanggotaan yang terlalu kurang. Secara tidak langsung ini dapat menenggangkan hubungan mereka lantaran tiadanya satu-satu institusi yang boleh merapatkan mereka pada jangka panjang.

Namun adalah jelas bahawa penglibatan mereka dengan kerja sampingan serba sedikit mempengaruhi aktiviti mereka. Keadaan penat dan letih membatas mereka untuk mengikuti aktiviti-aktiviti lain tetapi ia bukanlah faktur mutlak. Ini kerana biasa golongan tua kurang pula minat mereka untuk mengikuti aktiviti-aktiviti sosial ini.

4.8 Kesan Kerja Sampingan Ke Atas Hubungan Dengan Jiran

Hubungan kejiranan di kawasan luar bandar pada dasarnya ada hubungan kekitaan yang kuat. Di mana hubungan yang erat terjalin antara mereka dan kehidupan saling tolong menolong antara mereka sudah menjadi satu kebiasaan.

Apabila tumpuan terhadap kerja-kerja sampingan dipertitik-beratkan tidaklah membawa kesan yang ketara pada hubungan kejiranan. Ini dilihat dari pemerhatian pengkaji pada majlis-majlis kenduri mereka masih bersama-sama bertungkus lumus. Ada di kalangan mereka yang meninggalkan kerja ladang atau kerja sampingan untuk bersama bergotong-royong menjayakan kerja-kerja ini. Oleh itu hubungan kejiranan tidaklah terjejas.

Keadaan ini ternyata juga bila setiap petang pekebun dan kebanyakan dari responden menyatakan mereka menghabiskan masa mereka di pekan Selekoh berbual dan bertemu dengan jiran-jiran dan rakan-rakan mereka samada di kedai-kedai kopi atau ke rumah-rumah mereka. Ini menunjukkan mereka masih punya waktu untuk merapatkan silaturahim antara sesama mereka.

Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kes di mana jiran atau penduduk sekampung tidak bertegur-sapa atau terdapatnya perselisehan. Ketegangan ini berlaku antara golonga di bahagian yang dipanggil 'darat' dan golongan di 'baruh'. Namun sebenarnya ia bukanlah disebabkan oleh faktur kerja sampingan tetapi kerana ada rasa kurang senang terhadap orang yang lebih berada. Selain itu terdapat juga yang bersangkut paut dengan isu-isu politik dan kepimpinan yang kurang memuaskan sesuatu pihak. Ini didapati daripada pandangan beberapa orang responden yang ditemui.

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa penyertaan pekebun dengan kerja-kerja sampingan tidaklah mendatangkan kesan terhadap bentuk perhubungan sosial dan penglibatan dengan aktiviti sosial secara mutlak. Tetapi adalah hasil gabungan dari berbagai-bagai faktur lain.

# BAB 5

# KESIMPULAN

Sebagaimana yang ditegaskan dalam bab pertama, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kegiatan kerja-kerja sampingan yang dilakukan oleh pekebun kecil kelapa di kawasan kajian. Mereka melakukan kegiatan ini sebagai satu usaha untuk mengatasi masalah guna tenaga tidak penuh yang wujud. Di samping itu juga cuba menambahkan pendapatan mereka bagi menampung keperluan hidup yang terdesak.

Kajian ini telah memberi perhatian kepada pekebun yang terlibat dengan kerja-kerja sampingan. Tumpuan adalah terhadap kesan daripada kerja sampingan ini. Kesan yang dilihat bukan sahaja pada keadaan guna tenaga tetapi juga kepada beberapa aspek lain seperti kesan terhadap kebun, gaya hidup pekebun serta kesannya terhadap usaha-usaha penanaman koko.

Daripada kajian ini beberapa penemuan telah diperolehi dan rumusan telah dibuat. Pertamanya kajian ini telah mendapati bahawa 78% daripada responden terlibat dengan kerja-kerja sampingan.

Mengikut keadaan kerja yang wujud dalam kebun kelapa ianya tidak memerlukan tenaga buruh yang intensif sepanjang masa. Keperluan tenaga kerja biasanya adalah tinggi pada musim-musim pengeluaran sahaja. Dari kajian didapati purata jam bekerja responden pada musim pengeluaran adalah 5 jam sehari, manakala pada masa di luar musim pekebun hanya menghabiskan masa purata selama 2 jam sehari.

University of Malaya

Ini telah dibincangkan dalam bab 3 dan 4.

Dengan itu telah dirumuskan bahawa oleh kerana kelapa tidak memerlukan tenaga kerja intensif sepanjang masa maka ia telah menyediakan banyak ruang waktu yang terluang. Keadaan inilah yang mendorong pekebun untuk melakukan kerja-kerja sampingan.

Selain dari sebab di atas terdapat faktur-faktur lain yang menjadi penggalak dan penolah. Antaranya adalah dari keadaan pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan, keadaan kos pengeluaran yang tinggi serta wujudnya kemahiran tertentu di kalangan mereka. Di samping itu juga terdapatnya kemudahan dan permintaan terhadap perkhidmatan tertentu.

Kelapa juga adalah komoditi yang amat bergantung kepada harga pasaran dunia. Oleh itu ianya sentiasa mengalami keadaan turun naik harga. Akibat pergantungan ini maka pendapatan pekebun adalah tidak tetap. Harga yang tidak tetap ini pula dipengaruhi pula oleh orang tengah yang berperanan mengaut keuntungan. Perkara ini dibincangkan dalam bab 3. Oleh itu adalah wajar mereka melakukan kerja sampingan.

Faktur musim turut mempengaruhi kegiatan ini dilakukan. Biasanya pada bulan-bulan antara Januari hingga Mac adalah musim melawas. Pada masa ini hasil didapati adalah sedikit. Di masa-masa begini pekebun lebih cenderung melakukan kerja-kerja sampingan.

Setelah dirumuskan terdapat berbagai faktur yang saling berkaitan yang telah membenarkan dan mendorong kerja-kerja sampingan ini dilakukan.

Daripada kajian yang dibuat telah didapati dengan menjalankan kerja-kerja sampingan ruang-ruang waktu yang terluang telah dapat dipenuhi. Selain dari bekerja di kebun kelapa mereka kini menghabiskan masa menjalankan kerja sampingan dan memberi perhatian pada tanaman koko. Seramai 66% daripada responden telah menggunakan 35 jam seminggu untuk menjalankan kerja-kerja ini berbanding dengan purata 14 jam seminggu untuk kerja-kerja di kebun kelapa.

Menerusi kerja-kerja sampingan ini ekonomi pekebun kecil telah bertambah melalui 3 punca pendapatan iaitu daripada hasil dari kebun kelapa, hasil dari koko dan pekerjaan sampingan. Daripada pendapatan kelapa sahaja hitung panjang pendapatan bersih adalah $150.00 sebulan dan koko adalah $80.00 sebulan. Manakala dari kerja sampingan pendapatan bersih didapati adalah jumlah purata sebanyak $150.00 sebulan. Ini menjadikan pendapatan bersih pekebun sebulan ialah $400.00. Dari kajian didapati purata perbelanjaan responden sebulan adalah $315.00 dan penambahan ini telah dapat menampung keperluan hidup. Mereka juga dapat memenuhi beberapa keperluan lain.

Kajian ini juga cuba melihat kesan daripada kerja sampingan ini ke atas pengurusan kebun kelapa dan tanaman koko. Apa yang didapati adalah kerja-kerja sampingan ini tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada kerja-kerja pengeluaran kelapa. Ini adalah disebabkan oleh sistem rangka kerja yang menyediakan masa-masa terluang yang membenarkan kerja-kerja lain dilakukan. Sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab 4, keperluan tenaga kerja adalah tinggi pada musim-musim pengeluaran iaitu 2 bulan sekali. Ia boleh

dikerjakan dalam jangka masa maksima adalah 10 hari sehingga hasil dipasarkan. Sementara itu kerja-kerja penjagaan seperti membaja, meracun dilakukan 2 kali setahun begitu juga dengan kerja-kerja penjagaan yang lain.

Merujuk kepada kesannya terhadap tanaman koko penglibatan kerja sampingan telah mendatangkan beberapa implikasi. Dari segi penjagaan pokok-pokok ternyata pekebun kurang memberi perhatian kepada sepertimana yang disarankan oleh pihak Jabatan Pertanian. Kes ini adalah di mana pokok-pokok koko tidak dipruning atau dipangkas mengikut waktu-waktu tertentu. Ini mempengaruhi pertumbuhan pokok-pokok koko. Kawasan-kawasan kebun juga tidak dibersihkan mengakibatkan pokok-pokok diserang oleh musuh-musuh tanaman seperti tikus, tupai dan berbagai penyakit. Keadaan ini menjejas hasil koko serta mutu koko. Di mana gred-gred koko bagi keseluruhan kampung paling baik adalah gred C. Ini tidak selaras dengan apa yang diharapkan.

Kajian ini seterusnya juga telah melihat kesan kerja sampingan ke atas penglibatan pekebun dalam aktiviti sosial serta hubungan mereka dengan jiran. Dari segi penglibatan didapati penglibatan pekebun dengan aktiviti luar seperti persatuan atau badan-badan sukarela adalah terhad. Begitu juga penyertaan mereka dalam latihan-latihan yang dibuat oleh pihak Jabatan Pertanian juga kurang mendapat sambutan. Keadaan ini berlaku kerana masa yang terhad dan pandangan pekebun yang lebih cenderang kepada memenuhi keperluan hidup. Di mana terdapat kes pekebun lebih mementingkan 1 jam mengambil upah atau ke kebun dari menghadiri ceramah atau kursus yang diberikan oleh pihak Jabatan Pertanian. Walau

bagaimanapun terdapat faktur lain seperti pekebun yang telah tua atau ada sebilangan yang lebih suka tinggal di rumah bermesra dengan keluarga.

Oleh itu penglibatan pekebun dengan kerja sampingan bukanlah faktur mutlak terbatasnya keterlibatan mereka.

Di samping itu pula dari segi hubungan kejiranan tidak terdapat kesan-kesan yang ketara. Pekebun-pekebun masih mementingkan hubungan dengan jiran. Misalnya pada masa-masa kenduri pekebun akan meninggalkan kerja-kerja mereka. Mereka bersama-sama bertungkus lumus membantu menjayakan upacara itu. Adanya keretakan hubungan di kalangan mereka bukanlah disebabkan penglibatan mereka dengan kerja sampingan tetapi gabungan dari berbagai faktur.

Dapatlah dirumuskan di sini kerja-kerja sampingan yang dilakukan tidak memberi kesan kepada hubungan sosial tersebut secara keseluruhan kerja-kerja sampingan merupakan perkembangan yang baik dan penting kepada pekebun. Ini juga menggelak pergantungan mereka kepada pihak pentadbiran. Dengan bantuan Jabatan Pertanian dan badan-badan lain seterusnya pekebun cuba menerima penerapan teknologi baru ke dalam aktiviti mereka. Bukan sahaja mempelajari secara teori tetapi mengaplikasikan di dalam aktiviti mereka ini. Pihak Jabatan Pertanian sendiri perlu lebih giat memberi bimbingan secara praktikal khusus dalam penjagaan koko supaya wujud pembahagian perhatian yang sama rata terhadap aktiviti-aktiviti mereka.

Selain dari itu pekebun juga haruslah menerima saranan-saranan pihak kemajuan seperti usaha-usaha mewujudkan penggunaan tanah yang lebih intensif iaitu cadangan tanaman berkelompok.

Secara tidak langsung ia dapat mengatasi masalah saiz tanah di samping memberi pendapatan yang terjamin.

/csp

## BIBLIOGRAFI


Chan, Edward (1976) — Problems In The Propogation of Coconuts In Malaysia, In National Plant Propogation.

Child, Reginald (1964) — Coconuts, Longmans, London.

Galleti, R (et al) (1956) — Nigerian Cocoa Farmers, An Economic Survey of Yoruba Cocoa Farming Families, Oxford University Press, London.

Selvadurai, S (1968) — A Preliminary Report on The Survey of Coconut Smallholders in West Malaysia, Ministry of Agriculture and Cooperative, Kuala Lumpur.

Shamsul Amri Baharuddin (1978) — RMK: Tujuan dan Perlaksanaan Satu Penilaian teoritis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Syed Husin Ali (1979) — Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.


### Seminar Dan Laporan


Ahmad Ezanee Mansor (1982) — Problems And Constraints Encountered In Coconut Replanting And Rehabilitation Scheme; A case Study of The Lower Perak Farmers.

Chamsuri Siwar dan Mohamad Hj Alias (1978) — Under-utilization of Labour in Agriculture, A Survey of Concepts And Empirical Measures for Malaysia. Penerbitan Tak Berkala, U.K.M.

Jabatan Pertanian Malaysia (1983) — Laporan-laporan Perkembangan Pertanian, Jilid 20.

Kerajaan Malaysia (1970-1975) — Rancangan Malaysia Kedua, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

________ (1980-1985) — Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

Krishnan, Ramadasan (1978) — Status of Cocoa Industry in Malaysia, Progress International Cocoa and Coconut Conference, Kuala Lumpur.


University of Malaya

## BIBLIOGRAFI


Chan, Edward (1976) — Problems in The Propogation of Coconuts in Malaysia, In National Plant Propogation.

Child, Reginald (1964) — Coconuts, Longmans, London.

Galleti, R (et al) (1956) — Nigerian Cocoa Farmers, An Economic Survey of Yoruba Cocoa Farming Families, Oxford University Press, London.

Selvadurai, S (1968) — A Preliminary Report on The Survey of Coconut Smallholders in West Malaysia, Ministry of Agriculture and Cooperative, Kuala Lumpur.

Shamsul Amri Baharuddin (1978) — RMK: Tujuan dan Perlaksanaan Satu Penilaian teoritis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Syed Husin Ali (1979) — Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.


### Seminar Dan Laporan


Ahmad Ezanee Mansor (1982) — Problems And Constraints Encountered in Coconut Replanting And Rehabilitation Scheme; A case Study of The Lower Perak Farmers.

Chamsuri Siwar dan Mohamad Hj Alias (1978) — Under-utilization of Labour in Agriculture, A Survey of Concepts And Empirical Measures for Malaysia. Penerbitan Tak Berkala, U.K.M.

Jabatan Pertanian Malaysia (1983) — Laporan-laporan Perkembangan Pertanian, Jilid 20.

Kerajaan Malaysia (1970-1975) — Rancangan Malaysia Kedua, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

———————— (1980-1985) — Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

Krishnan, Ramadasan (1978) — Status of Cocoa Industry in Malaysia, Progress International Cocoa and Coconut Conference, Kuala Lumpur.

Loh, Hong Pai (et al) (1984) — Replanting Coconut in The Cocoa Coconut Intercropping System, in Conference on Cocoa Coconuts, Progress and Outlook, Kuala Lumpur.

Ungku Abd Aziz (1979) — The Development And Utilization of Labour Resources in South East Asia, Conference On South Asia, Rangoon.

Suratkhabar Dan Majallah

Berita Penyelidikan Mardi, Bil. 16/85

The Planter, Vol: 61, Februari, 1985

Utusan Malaysia, Oktober, 1983

Utusan Malaysia, 25hb. Julai, 1985

Latihan Illmiah

Dehari Derani (1983/84) — Pola-pola Pekerjaan Sampingan di Felda Pasoh 1, Negeri Sembilan, Latihan Illmiah B.A., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Azmi Mohd Yusuf (1984/85) — Pola-pola Pekerjaan Sampingan di Felda Kota Gelanggi, Jerantut, Pahang. Latihan Illmiah B.A., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

University of Malaya

LAMPIRAN I.

Table 5 . Price of Copra 1978-1982

| | Bagan Datoh | Sabak Bernam | Batu Pahat | Kota Bahru |
|---|---|---|---|---|
| 1/78 | 92.59 | 91.77 | - | 79.37 |
| 2/78 | 84.33 | 83.50 | - | 83.50 |
| 3/78 | 88.46 | 88.46 | - | 81.85 |
| 4/78 | 83.50 | 84.33 | - | 79.37 |
| 5/78 | 80.19 | 83.50 | - | 74.41 |
| 6/78 | 81.02 | 84.33 | - | 75.23 |
| 7/78 | 82.67 | 83.50 | - | 76.06 |
| 8/78 | 81.02 | 83.50 | - | 77.71 |
| 9/78 | 85.98 | 87.63 | - | 78.54 |
| 10/78 | 92.59 | 94.25 | - | 79.37 |
| 11/78 | 95.90 | 97.55 | - | 79.37 |
| 12/78 | 97.55 | 97.55 | 92.59 | 79.37 |
| 1/79 | 107.48 | 106.65 | 100.86 | 79.37 |
| 2/79 | 111.61 | 113.26 | 107.48 | 85.15 |
| 3/79 | 106.65 | 107.48 | 104.17 | 86.81 |
| 4/79 | 109.13 | 109.96 | 103.34 | 85.98 |
| 5/79 | 113.26 | 114.92 | 107.48 | 85.98 |
| 6/79 | 111.61 | 112.44 | 108.30 | 92.59 |
| 7/79 | 111.61 | 112.44 | 107.48 | 99.21 |
| 8/79 | 100.86 | 96.73 | 94.25 | 97.55 |
| 9/79 | 94.25 | 90.94 | 86.81 | 84.33 |
| 10/79 | 93.42 | 90.94 | 85.98 | 81.02 |
| 11/79 | 85.98 | 87.63 | 86.81 | 80.19 |
| 12/79 | 90.94 | 89.29 | 90.11 | 81.02 |
| 1/80 | 89.29 | 87.63 | 90.94 | - |
| 2/80 | 88.46 | 86.81 | 91.77 | 71.93 |
| 3/80 | 83.67 | 82.26 | 89.12 | 74.74 |
| 4/80 | 74.41 | 74.41 | 79.78 | 71.10 |
| 5/80 | 68.62 | 67.79 | 68.62 | 66.97 |
| 6/80 | 67.79 | 67.79 | 66.97 | 66.97 |
| 7/80 | 62.83 | 63.66 | 63.66 | 67.79 |
| 8/80 | 62.83 | 62.01 | 60.77 | 66.14 |
| 9/80 | 61.18 | 60.35 | 58.70 | 64.49 |

SUMBER : KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA

University of Malaya

## Lampiran 2.

### Marketing Margin For Fresh Coconut (per 100 nuts)

| | | |
|---|---|---|
| 1. Farm Price | | $20.00 |
| (medium size nut A & B) | | |
| 2. Dealer's Selling Price | | $24.00 |
| gross mark-up | | 4.00 |
| Dealer's cost | | |
| internal transport | $1.30 | |
| transport to market | 1.00 | $ 2.30 |
| Dealer's margin | | $ 1.70 |
| 3. Wholesaler,s selling Price | $35.00 | |
| Gross mark-up | $11.00 | 55% |
| Wholesaler's cost | | |
| i.transport (distribution) | 0.80 | |
| ii.Handling | 0.80 | |
| iii.Broken & wastage 5% | 1.20 | $ 2.80 |
| Wholesaler's margin | | $ 8.20 |
| 4. Retailer'sselling price | | $45.00 |
| gross mark-up | | |
| Retailer's cost | | |
| i.spoilage & broken nut 5% | $ 1.75 | |
| ii.transport | $ 1.o7 | $ 2.82 |
| Retailer' margin | | $ 7.18 |
| Dealers cost | | |
| a)internal transport | $1.30 | |
| b)transport market | $1.00 | $ 2.30 |

University of Malaya

LAMPIRAN 3

Pembahagian Kerja-kerja di Kebun Kelapa

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Penanaman | ... | 55% atau 67 tenaga jam seekar setahun. |
| 2. | Pengeluaran dan pemerosotan | ... | 42% atau 50 tenaga jam seekar setahun. |
| 3. | Pengangkutan dan pemasaran | ... | 1% atau 1 tenaga jam seekar setahun. |
| 4. | Penyelenggaraan | ... | 2% atau 2 tenaga jam seekar setahun. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nota: | Penanaman | - | kerja-kerja memagaran, mengali parit, membersih kawasan, menanam tanaman sampingan, merumput, mebaja, menyembur dan mengawal penyakit. |
| | Pengeluaran dan pemerosotan | - | memetik dan memungut kelapa, mencungkil, menjemur kopra, memasukkan dalam guni dan menyimpan dan lain-lain. |
| | Pengangkutan dan pemasaran | - | pengangkutan untuk di pasarkan samada kepada pekedai seperti orang tengah atau pihak FAMA. |
| | Penyelenggaraan | - | pembaikan tempat menyalai, tempat menyimpan kopra dan bangunan-bangunan lain. |

Sumber: Selvadurai, 1968. mukasurat 47.

University of Malaya

LAMPIRAN 4

**ALIRAN KEWANGAN BAGI SE HEKTAR KELAPA TINGGI MALAYA DENGAN KOKO**
**BIL. POKOK KELAPA - 118 POKOK/HEKTAR**
**BIL. POKOK KOKO - 815 POKOK/HEKTAR (3.1mx3.1m ▭)**

| Perkara | Tahun | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11-15 |
| PENGHASILAN | | | | | | | | | | | |
| Kelapa Tinggi Malaya (bilangan buah) | 1,330 | 1,410 | 1,480 | 1,630 | 1,800 | 1,980 | 2,170 | 2,400 | 2,640 | 2,910 | 3,014 |
| Koko (kg. biji basah) | - | 320 | 970 | 1,960 | 2,880 | 3,260 | 4,100 | 4,100 | 4,100 | 4,100 | 4,100 |
| ALIRAN WANG MASUK | | | | | | | | | | | |
| Pendapatan ($) | | | | | | | | | | | |
| Kelapa Tinggi Malaya @ 14¢/buah | 186 | 197 | 207 | 228 | 252 | 277 | 304 | 336 | 370 | 407 | 422 |
| Koko @ $1.00/kg. | - | 320 | 970 | 1,960 | 2,880 | 3,260 | 4,100 | 4,100 | 4,100 | 4,100 | 4,100 |
| Jumlah | 186 | 517 | 1,177 | 2,188 | 3,132 | 3,537 | 4,404 | 4,436 | 4,470 | 4,507 | 4,522 |
| ALIRAN WANG KELUAR | | | | | | | | | | | |
| Kos Pembangunan ($) | | | | | | | | | | | |
| Menebang & menimbun @ $5/pokok | 60 | | | | | | | | | | |
| Membaiki parit-parit | 200 | | | | | | | | | | |
| Racun rumput rampai | 74 | | | | | | | | | | |
| Bersih - kelapa @ $2.00 | 24 | | | | | | | | | | |
| koko @ $1.00 | 815 | | | | | | | | | | |
| Baja lubang tanaman | 74 | | | | | | | | | | |
| Jumlah kecil ($) | 1,247 | | | | | | | | | | |
| Kos Penyelenggaraan ($) | | | | | | | | | | | |
| Baja kelapa & koko | 159 | 198 | 228 | 332 | 332 | 332 | 332 | 332 | 332 | 332 | 332 |
| Kapor | 10 | 10 | 16 | 20 | 20 | 20 | 20 | 20 | 20 | 20 | 20 |
| Racun rumput | 132 | 132 | 72 | 89 | 89 | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 |
| Racun perosak | 75 | 25 | 30 | 45 | 45 | 45 | 45 | 45 | 45 | 45 | 45 |
| Alat pertanian | 25 | - | - | - | 25 | - | - | - | 25 | - | - |
| Memungut Kelapa @ 6¢/biji | 80 | 84 | 88 | 97 | 108 | 118 | 130 | 144 | 158 | 174 | 180 |
| Jumlah kecil ($) | 481 | 449 | 434 | 583 | 619 | 565 | 577 | 591 | 630 | 621 | 627 |
| Cukai Tanah ($) | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 | 15 |
| Pelbagai perbelanjaan ($) | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 | 25 |
| Jumlah ($) | 1,768 | 489 | 474 | 623 | 659 | 605 | 617 | 631 | 670 | 661 | 667 |
| BAKI WANG | (1,580) | 28 | 703 | 1,565 | 2,473 | 3,932 | 3,787 | 3,805 | 3,800 | 3,846 | 3,855 |
| BAKI WANG TIMBUNAN | (1,582) | (1,554) | (851) | 716 | 3,191 | 7,123 | 10,910 | 14,715 | 18,515 | 22,361 | 41,636 |
| Keperluan tenaga keluarga (t-h) | 69 | 42.9 | 51.9 | 78.9 | 97.3 | 104.9 | 104.9 | 104.9 | 104.9 | 104.9 | 104.9 |
| Nilai tenaga keluarga @ $10/t-h | 690 | 429 | 519 | 789 | 973 | 1,049 | 1,049 | 1,049 | 1,049 | 1,049 | 1,049 |

Sumber : Diubahsuaikan dari "Manual Demonstrasi Tanaman" oleh MARDI dan Risalah Pertanian Koko oleh Jabatan Pertanian.

Kadar Pulangan Dalam = 68%

University of Malaya

LAMPIRAN 5.

TABLE 4 : COST OF PRODUCTION COCONUT @ KAMPONG LEVAL (BAGAN DATUK)

| Hectarage | Yield of Nuts Per Harvest | Harvesting Rounds | Yield of Copra |
|---|---|---|---|
| 2.0 ha/ekar | 2,000 | 4 monthly (3 rounds p.a.) | 1.8 piculs |

(a) Plucking Cost
$30.00 / 1,000 nuts X 6 $ 180/-

(b) Dehusking and Cracking
$30.00 / 1,000 nuts X 6 $ 180/-

(c) Kiln Cost
$10.00 / 1,000 $ 60/-
(The smallholders pay this fee to dry the copra in the kiln drying yard)

$ 420/- Total Cost

Annual income of average 18 picul 2 ha.
@ $ 35/- per picul (present market price)
$630/-
Profit (income)
$210/- p.a. from 2 ha.

SUMBER : KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA.

University of Malaya

I. MAKLUMAT KETUA RUMAH DAN KELUARGANYA (A - D) 

A: BUTIR-BUTIR MENGENAI SEISI RUMAH DAN ANGKUBAH ASAS DEMOGRAFI

| Bil. Seisi Rumah | Nama anggota Seisi rumah | Perhubungan (a) | Bangsa (b) | Jantina (c) | Tarikh Lahir: Bulan | Tarikh Lahir: Tahun | Tahap pelajaran (d) | Status kerja (e) | Status kahwin (f) | Tempat duduk (g) | Jumlah pendapatan sebulan ($) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 01 | | 12 | 13 | 14 | 15 | 17 | 19 | 21 | 22 | 23 | 24 28 | |
| 02 | | 29 | 30 | 31 | 32 | 34 | 36 | 38 | 39 | 40 | 41 45 | |
| 03 | | 46 | 47 | 48 | 49 | 51 | 53 | 55 | 56 | 57 | 58 62 | |
| 04 | | 63 | 64 | 65 | 66 | 68 | 70 | 72 | 73 | 74 | 75 79 | 1 0 |
| 05 | | 8 | 9 | 10 | 11 | 13 | 15 | 17 | 18 | 19 | 20 24 | |
| 06 | | 25 | 26 | 27 | 28 | 30 | 32 | 34 | 35 | 36 | 37 41 | |
| 07 | | 42 | 43 | 44 | 45 | 47 | 49 | 51 | 52 | 53 | 54 58 | |
| 08 | | 59 | 60 | 61 | 62 | 64 | 66 | 68 | 69 | 70 | 71 75 | 1 0. |
| 09 | | 8 | 9 | 10 | 11 | 13 | 15 | 17 | 18 | 19 | 20 24 | |
| 10 | | 25 | 26 | 27 | 28 | 30 | 32 | 34 | 35 | 36 | 37 41 | |

a. ketua isi rumah - 1
isterinya - 2
bapa/ibu ketua - 3
anak - 4
saudara mara - 5
kawan/sahabat - 6
penyewa 7
lain - 9

b. Melayu - 1
Cina - 2
India - 3
Lain - 9

c. Lelaki - 1
Perempuan - 2

d. Tidak bersekolah - 0
Darjah 1 - 1
2 - 2
3 - 3
4 - 4
5 - 5
6 - 6
Ting. 1 - 7
2 - 8
3 - 9
4 - 10
5 - 11
Ting. 6 bawah - 12
Ting 6 Tinggi/Atas - 13
Kolej - 14
Universiti - 15
Pelajaran selepas sekolah - 16
Tadika - 17
Remove/Peralihan - 18
Lain-lain - 19

e. Masih bersekolah - 1
Majikan - 2
Pekerja bergaji - 3
Pekerja keluarga yang tidak bergaji - 5
Tidak bekerja - 6
Lain-lain - 9

f. Bujang -
Kahwin -
Tidak tinggal -
Bersama -
Bercerai -
Duda/Janda -
Lain-lain -

g. Duduk rumah - 1
Duduk lain tempat - 2

4.4 Pekerjaan sambilan ____ Tidak (0) ____ Ya (1) [ ]13

| | | Jenis | | Tempoh/ Tahun | |
|---|---|---|---|---|---|
| 4.5 | Pekerjaan sambilan | 1. ______ | 4.6 | ______ | 14 [ ][ ] 15 16 [ ][ ] 17 |
| 4.7 | | 2. ______ | 4.8 | ______ | 18 [ ][ ] 19 20 [ ][ ] 21 |
| 4.9 | Pekerjaan Dahulu | 1. ______ | 4.10 | ______ | 22 [ ][ ] 23 24 [ ][ ] 25 |
| 4.11 | | 2. ______ | 4.12 | ______ | 26 [ ][ ] 27 28 [ ][ ] 29 |

4.13 Alasan meninggalkan Pekerjaan 1. ______________ [ ]30

2. ______________ [ ]31

4.14

5) Adakah cita-cita untuk menukar pekerjaan sekarang? [ ]32

Tentu (1) — Mungkin (2) — Tidak Mungkin (3) — Tidak (4) — Tidak Tahu (5)

6) Sekiranya ada kemungkinan menukar pekerjaan, apa jenis pekerjaan yang disukai?

______________ (jenis) ______________ (sektor) 33 [ ][ ] 34 [ ] 35

7) Pernahkah keluar dari Mukim tahun ini? [ ]36

0. Tidak 1. Ya ↓

8) Sila berikan 3 tempat yang tuan/puan biasa kunjungi (iaitu luar daripada mukim ini), misalnya ke hospital, pejabat daerah, pekan untuk membeli barang-barang, dll.

| Tempat | | Jauh (batu) | | Bagaimana | | Sebab | | Beberapa kali tahun ini |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8.1 ______ | 8.2 | 37 [ ][ ] 38 | 8.3 ______ | [ ] 39 | 8.4 ______ | [ ] 40 | 8.5 | [ ][ ] 42 |
| 8.6 ______ | 8.7 | 43 [ ][ ] 44 | 8.8 ______ | [ ] 45 | 8.9 ______ | [ ] 46 | 8.10 | [ ][ ] 48 |
| 8.11 ______ | 8.12 | 49 [ ][ ] 50 | 8.13 ______ | [ ] 51 | 8.14 ______ | [ ] 52 | 8.15 | [ ][ ] 54 |

---

Bagaimana

1 kereta/motosikal sendiri
2 kenderaan berkongsi
3 teksi
4 bas
5 jalan kaki
6 basikal
9 lain cara

Sebab

1 hari raya
2 membeli barang-barang keperluan
3 berniaga
4 urusan resmi/kerajaan
5 kesihatan serta beranak
6 bersiar-siar/jalan-jalan
7 kecemasan
9 lain sebab

University of Malaya

| Kod isi rumah | Nama | Umur | Jarak dari sekolah (batu) | Cara Pengangkutan ke sekolah (Kod 1) | Adakah memasuki kelas bimbingan (kod 2) | Adakah terima bantuan (Kod 2) | Jumlah Perbelanjaan sebulan $ | Adakah menghadiri kelas tadika (Kod 2) | Nama sekolah | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | 0 |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |

Kod 1 :
- Kereta - 1
- Motosikal - 2
- Bas sekolah - 3
- Bas - 4
- Basikal - 5
- Berjalan - 6
- Lain - 9

Kod 2 :
- Ya - 1
- Tidak - 0

3. Kesihatan

3.1 Klinik/Hospital yang terdekat sekali? ________ [ | ] batu

3.2 Berapa kali saudara/i ataupun keluarga saudara/i melawat klinik/Hospital tersebut? ____________ [ | ]
(tahun ini)

3.3 Jika saudara/i ataupun keluarga saudara/i jatuh sakit, dari mana saudara/i mendapat rawatan. Tandakan pentingnya

| | Selalu (1) | Kurang (2) | Tidak pernah (0) | |
|---|---|---|---|---|
| Hospital | ________ | ________ | ________ | [ ] |
| Klinik Kerajaan | ________ | ________ | ________ | [ ] |
| Klinik doktor swasta | ________ | ________ | ________ | [ ] |
| Bomoh/dukun | ________ | ________ | ________ | [ ] |
| Lain-lain | ________ | ________ | ________ | [ ] |
| Tidak ada | ________ | ________ | ________ | [ ] |

3.4 Tempat kelahiran anak-anak

| | Bilangan lahir di- | Yang akhir di |
|---|---|---|
| 1. Hospital | [ \| ] | |
| 2. Klinik Kerajaan | [ \| ] | [ ] |
| 3. Klinik doktor swasta | [ \| ] | |
| 4. Bidan di rumah | [ \| ] | |
| 5. Lain | [ \| ] | |

4.1 Perhentian bas yang terdekat sekali [ | | ] (batu)

4.2 Berapa minit satu bas melalui perhentian tersebut [ | | ] (minit)

4.3 Bagaimana saudara/i biasa pergi ke bandar/pekan (tanda ✓ )

(a) kenderaan sendiri ___: kereta, motosikal, basikal [ ]

(b) pengangkutan umum ___: bas, teksi, lain [ ]

(c) berkongsi dan lain ___: tumpang, sewa, lain-lain [ ]

University of Malaya

4. Setinggi manakah pelajaran yang saudara harap akan dicapai oleh anak?

| Universiti | Kolej | Menengah 4-6 | Menengah 1-3 | Rendah |
|---|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) |

5. Apakah jenis pelajaran yang baik untuk anak-anak?

| Ugama | Kedoktoran | Sains | Kemanusiaan | Kemasyarakatan |
|---|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) |

6. Apakah sebaik-baik peninggalan untuk anak-anak?

| | | |
|---|---|---|
| 1. nama baik | 4. pelajaran | 7. ______________ |
| 2. wang | 5. pendidikan ugama | 8. ______________ |
| 3. tanah/harta | 6. sifat jimat cermat | 9. Lain-lain |

7. Siapakah yang paling berpengaruh dan dihormati di antara orang-orang di bawah ini?

(a) Penghulu
(b) Ketua Kampung
(c) Ahli Politik
(d) Guru
(e) Imam/Bilal
(f) Pegawai Kerajaan
(g) Peneroka tanah

Kod:
1. sangat berpengaruh
2. sederhana saja
3. tidak begitu kuat
4. tidak berpengaruh langsung
5. tak tahu

8. Apakah perkara-perkara yang boleh meninggikan nama seseorang di kampung ini?

(a) keturunan
(b) kebolehan diri sendiri
(c) pelajaran
(d) pekerjaan
(e) kekayaan
(f) hubungan politik
(g) kepercayaan diri sendiri

Kod:
1. Termustahak
2. Mustahak
3. Tidak berapa mustahak
4. Tidak langsung
5. Tidak tahu

9. Apakah 3 masalah besar yang dihadapi oleh

(a) kamu: ______________, ______________, ______________

(b) negara: ______________, ______________, ______________

University of Malaya

III. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KELUARGA

I. Punca dan Jumlah Pendapatan (Bukan daripada Pertanian)

NO. SIRI [ | | | | |0|9] (1–7)

1. Pendapatan

| Anggota Seisi Rumah | Nama | Kerja Tetap | | Kerja Sambilan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Jenis | Pendapatan ($) | Jenis | Pendapatan ($) |
| 8 9 | | 10 11 | 12 16 | 17 18 | 19 23 |
| 24 25 | | 26 27 | 28 32 | 33 34 | 35 39 |
| 40 41 | | 42 43 | 44 48 | 49 50 | 51 55 |
| 56 57 | | 58 59 | 60 64 | 65 66 | 67 71 |
| 8 9 | | 10 11 | 12 16 | 17 18 | 19 23 |
| 24 25 | | 26 27 | 28 32 | 33 34 | 35 39 |
| 40 41 | | 42 43 | 44 48 | 49 50 | 51 55 |

[ | | | | |1|0] (1–7)

University of Malaya

J. PERBELANJAAN KELUARGA

NO. SIRI | 1 | 1 |

1. Perbelanjaan keluarga sebulan (Yang duduk bersama-sama)

   1. Makanan & minuman $
   2. Pakaian $
   3. Utiliti (api, air, letrik) $
   4. Pengangkutan $
   5. Perbelanjaan untuk kesihatan $
   6. Rokok $
   7. Lain-lain keperluan keluarga $

2. Perbelanjaan setahun

   8. Motosikal, kereta $
   9. Perabut Rumah $
   10. TV, kipas $
   11. Ansuran rumah $

3. Perbelanjaan sekolah setahun

| | Yang benar | Yang harus |
|---|---|---|
| (a) Pakaian | $ | $ |
| (b) Buku-buku | $ | $ |
| (c) Tambang | $ | $ |
| (d) Yuran sekolah | $ | $ |
| (e) Wang saku | $ | $ |
| (f) Lain-lain | $ | $ |

K. SIMPANAN, PINJAMAN DAN HUTANG

NO. SIRI | 1 | 2 |

| | Simpanan $ | Pinjaman $ | Hutang $ |
|---|---|---|---|
| Jumlah Tahun 1984 | | | |
| Kadar Bunga (%) | | | |

Simpanan ASN

Tabung Haji

Simpanan Nasional

Cara Hutang ________

Sebab Hutang ________

Hutang Siapa ________

University of Malaya

2. Cara mendapat tanah mula-mula sekali (1 - Cara itu; 0 - Bukan)

- warisan [ ] 36 luasnya (ekar) 41 [ | ] 42
- tanah isteri [ ] 37 luasnya (ekar 43 [ | ] 44
- hadiah [ ] 38 luasnya (ekar) 45 [ | ] 46
- beli [ ] 39 luasnya (ekar) 47 [ | ] 48
- lain [ ] 40 luasnya (ekar) 49 [ | ] 50

terangkan ______________________

3. Cara semua tanah diperolehi (ekar)

| | Warisan | Beli | Hadiah | Lain-lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Sendiri | 51 [ \| ] 52 | 53 [ \| ] 54 | 55 [ \| ] 56 | 57 [ \| ] 58 | ______ |
| Isteri | 59 [ \| ] 60 | 61 [ \| ] 62 | 63 [ \| ] 64 | 65 [ \| ] 66 | ______ |
| Lain-lain | 67 [ \| ] 68 | 69 [ \| ] 70 | 71 [ \| ] 72 | 73 [ \| ] 74 | ______ |
| Jumlah | ______ | ______ | ______ | ______ | ______ |

4. Luas tanah sendiri:

(a) dikerjakan sendiri 75 [ | ] ekar

(b) disewa kepada orang lain 77 [ | ] ekar

University of Malaya